



"KEJAYAAN DALAM KEBERKATAN"

LAPORAN TAHUNAN 2022

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN WAQAF FELDA KALI KE-2



ISI KANDUNGAN



1

LATAR BELAKANG WAQAF FELDA

- MISI	6
- VISI	6
- NILAI WAQAF FELDA	7
- OBJEKTIF PENUBUHAN	8-9
- GARIS MASA WAQAF FELDA	10-11
- MAKLUMAT KORPORAT	12

2

PERUTUSAN WAQAF FELDA

- PERUTUSAN PENGURUSI	14
- PERUTUSAN AHLI LEMBAGA PENGARAH	15
- KENYATAAN SYARIAH	16

3

PROFIL SYARIKAT WAQAF FELDA

- MAKLUMAT AHLI LEMBAGA PENGARAH	18-19
- PROFIL LEMBAGA PENGARAH	20-24

4

PENUBUHAN JAWATANKUASA

- JAWATANKUASA SYARIAH	27
- JAWATANKUASA PELABURAN	28
- JAWATANKUASA PEROLEHAN	29
- PENGURUSAN WAQAF FELDA	30-31

ISI KANDUNGAN

5

MODEL WAQAF FELDA

- MODEL WAQAF FELDA	33
- KEAHLIAN (SUMBER DANA WAQAF)	34
- KATEGORI KEAHLIAN	35
- PENGAGIHAN MANFAAT	36
- SASARAN PEWAQAF	37
- SALURAN BERWAQAF	38
- PENCAPAIAN KEAHLIAN	39
- PENCAPAIAN DANA WAKAF	40

6

NOTIS MESYUARAT AGUNG

41-44

7

LAPORAN KEWANGAN

45-84

8

LAPORAN AKTIVITI

85-109

9

LAMPIRAN





KEJAYAAN
dalam
KEBERKATAN

YAB Dato' Seri

ANWAR IBRAHIM

Perdana Menteri Malaysia 10



“ Wakaf Felda membuktikan adanya anjakan minda peneroka apabila mereka bukan lagi semata-mata golongan menerima bantuan tetapi telah mula berkongsi rezeki dengan nilai wakaf terkumpul melebihi 27 juta ringgit walaupun tabung wakaf baru ditubuhkan pada 2021”



Petikan ucapan YAB Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim dalam pembentangan belanjawan Malaysia 2023 di Dewan Rakyat

LATAR BELAKANG WAQAF FELDA



KEJAYAAN
dalam
KEBERKATAN



LATAR BELAKANG /// WAQAF FELDA

VISI KAMI

MENJADI SEBUAH INSTITUSI
WAQAF KORPORAT™ TERULUNG DI PERINGKAT
GLOBAL

MISI KAMI

MELESTARIKAN INSTITUSI WAQAF
MELALUI KEMAMPANAN SUMBER,
PELABURAN BERIMPAK TINGGI DAN
MEMPERKUKUH SOSIO-EKONOMI
UMMAH

NILAI WAQAF
WAQAF FELDA

NILAI **WAQAF**



OBJEKTIF PENUBUHAN



1

KELESTARIAN WAKAF

Menjamin penyaluran sumbangan waqaf yang berterusan melalui kefahaman dan kesedaran kebaikan berwaqaf

2

PELABURAN BERIMPAK TINGGI

Melaksanakan pelaburan dan pengurusan aset patuh Syariah yang memberikan pulangan yang tinggi



3

KEPELBAGAIAN MANFAAT

Mempelbagaikan bentuk manfaat demi kemakmuran dan kesejahteraan ummah

4

PEMERKASAAN TADBIR URUS


Memperkuatkan tadbir urus waqaf melalui nilai-nilai ESG berlandaskan syariat Islam



GARIS MASA

WAQAF FELDA





MAKLUMAT KORPORAT

WAQAF FELDA

(Dahulunya dikenali sebagai TABUNG FELDA)
No. Pendaftaran : 202101011212 (1411511 – T)
Tarikh Pendaftaran : 26 Mac 2021

TARIKH PELANCARAN

12 November 2021

JENIS SYARIKAT

Syarikat Berhad Menurut Jaminan (Company Limited By Guarantee)

PEJABAT BERDAFTAR

Pejabat Pengarah Besa
Tingkat 47
Menara FELDA, Platinum Park, No 11,
Persiaran KLCC, 50088 Kuala Lumpur

LAMAN SESAWANG

www.waqaffelda.com.my

LEMBAGA PENGARAH

Tan Sri Idris bin Jusoh
Dato' Amiruddin bin Abdul Satar
Datuk Haji Mohd Ajib bin Ismail
Encik Mohd Nizam bin Haji Yahya
Encik Izham bin Mustaffa
Encik Yusri bin Mohamad
Encik Resul Sapar
Encik Razali bin Othman
Encik Jamaluddin bin Md Ali

SETIAUSAHA SYARIKAT

Norhana binti Ramli (BC/N/1815)

JURUAUDIT SYARIKAT

MNZWAJA (AF 001959)
Chartered Accountants (Malaysia)
No 19-2-1, Jalan Wangsa Delima 5
Pusat Bandar Wangsa Maju (KLSC)
53300 Kuala Lumpur

BANK UTAMA :

Malayan Banking Berhad (Maybank)
MBSB Bank Berhad

PERUTUSAN WAQAF FELDA



KEJAYAAN
dalam
KEBERKATAN

PERUTUSAN PENGERUSI WAQAF FELDA

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ



Salam Perpaduan dan Salam MALAYSIA MADANI.

Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran kepada ALLAH SWT kerana dengan limpah dan kurniaNya dapat lagi kita diberi kesempatan untuk terus menikmati kehidupan di dunia ini yang penuh dengan pelbagai rahmat dan cabaran disamping menghayati nikmat iman dan ihsan. Selawat dan Salam juga diucapkan kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua penyumbang khususnya kepada peneroka FELDA yang telah memberikan sumbangan mereka kepada WAQAF FELDA. Sumbangan individu daripada peneroka dan petugas telah mencecah RM8 Juta dan nilai wakaf terkumpul telah melebihi RM27 Juta walaupun Waqaf FELDA baru sahaja ditubuhkan pada tahun 2021. Jelas, perkara ini merupakan manifestasi anjakan minda peneroka yang telah menjadi masyarakat pemberi dan berkongsi rezeki. Secara tidak langsung, Keberkatan itu dapat dilihat apabila segala usaha FELDA sentiasa diper mudahkan dan hasil sawit peneroka telah meningkat sebanyak 2.14 Tan/hektar bagi tahun 2022 berbanding tahun 2021. InsyaAllah, dengan memberi, peneroka FELDA akan terus diberkati. Slogan "Kejayaan dalam Keberkatan" merupakan manifestasi hasrat FELDA dalam memenuhi tuntutan Al-Falah di dunia dan akhirat. Kita bukan hanya ingin berjaya tetapi kejayaan itu diiringi dengan keberkatan. Oleh yang demikian instrumen WAQAF FELDA telah diperkenalkan sebagai salah satu inisiatif yang dilihat berupaya memacu dan memperkasa Ekonomi Ummah (Ummatic Economy) disamping menjamin kelestarian FELDA pada masa akan datang.

Selaras dengan hasrat kerajaan memperkasa sektor Wakaf melalui Wakaf Madani seperti diumumkan dalam ucapan YAB Perdana Menteri dalam pembentangan belanjawan 2023 di Dewan Rakyat, WAQAF FELDA dilihat berada di landasan tepat dalam menjadikan wakaf sebagai pemacu ekonomi ke-3 selepas sektor kerajaan dan sektor swasta. Waqaf FELDA mempunyai potensi besar untuk terus berkembang agar FELDA terus dilestarikan dan terus berjaya dengan penuh keberkatan. Dengan iltizam yang utuh, perancangan dan perlaksanaan yang berkesan, InsyaAllah Waqaf FELDA menjadi model pelaksanaan Wakaf korporat yang berjaya.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan jutaan penghargaan kepada warga FELDA serta syarikat-syarikat kumpulan FELDA yang terus menerus menyokong penubuhan WAQAF FELDA.

Akhir kalam, marilah kita menghayati sebaris ayat dalam Al-Quran yang bermaksud:
"Tidak akan kalian mencapai kebaikan, hingga kalian infakkan dari apa yang kalian cintai. Dan apa kalian infakkan dari sesuatu maka Allah Maha Mengetahui"
Surah Ali- Imran ayat 92

**TAN SRI IDRIS JUSOH
PENGERUSI WAQAF FELDA**

PERUTUSAN AHLI LEMBAGA PENGARAH /// WAQAF FELDA



السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَّكَاتُهُ

Segala puji dan syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya WAQAF FELDA sekali lagi dapat menerbitkan laporan tahunan yang merakamkan aktiviti serta pencapaian WAQAF FELDA sepanjang tahun 2022. Ini merupakan salah satu usaha yang baik dalam menyalurkan maklumat dan informasi tentang aktiviti yang telah dilaksanakan kepada masyarakat oleh pihak WAQAF FELDA.

Selaku salah seorang Ahli Lembaga Pengarah WAQAF FELDA, saya merakamkan setinggi-tinggi ucapan syabas dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak untuk terus memajukan WAQAF FELDA. Dalam usaha untuk mengenalkan dan melebarkan sayap hingga ke peringkat yang lebih tinggi dan dikenali oleh masyarakat Malaysia, laporan ini sesuai untuk dijadikan sebagai rujukan.

Sepanjang tahun 2022, pelbagai program dan aktiviti yang telah dilaksanakan oleh warga WAQAF FELDA bagi memperkenalkan wakaf kepada masyarakat Malaysia. Alhamdulillah segala usaha dan komitmen tersebut membawa hasil yang mana akhirnya ia mendapat sambutan yang memberangsangkan dari warga peneroka. Ini jelas membuktikan, inisiatif dan gerak kerja yang dilaksanakan oleh WAQAF FELDA mampu menjadi pemangkin untuk mewujudkan produk kewangan Islam yang sangat sofistikated, berinovasi dan berdaya saing.

Seperti yang kita sedia maklum, pelbagai medium pembayaran telah tersedia bagi memudahkan pembayaran waqaf dibuat antaranya melalui potongan gaji petugas, potongan paysheet warga peneroka, pembayaran secara atas talian dan melalui laman web. Ini tidak lain tidak bukan bertujuan untuk memudahkan masyarakat untuk berwaqaf dan akhirnya hasil manfaat tersebut dapat diberikan kepada orang yang memerlukan. Justeru, saya menyeru seluruh warga peneroka dan FELDA agar marilah kita bersama-sama berwaqaf.

Akhir kalam, saya berharap WAQAF FELDA akan terus mengekalkan momentum kecemerlangannya bagi mengorak kejayaan pada masa akan datang. Seiring dengan peredaran masa, semoga WAQAF FELDA dapat memastikan penubuhannya sebagai satu entiti wakaf akan terus relevan dan memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada masyarakat demi kemaslahatan ummah.

"Dan sesungguhnya amalan yang paling dicintai Allah adalah amalan yang dikerjakan secara berterusan walaupun sedikit."
(Hadis Riwayat Bukhari)

TUAN MOHD NIZAM BIN YAHYA
PEMANGKU KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF MAIWP

KENYATAAN SYARIAH

WAQAF FELDA

Tadbir urus Syariah adalah penting kepada kestabilan sistem tadbir urus syarikat. Penginstitusian rangka kerja tadbir urus Syariah yang kukuh akan meningkatkan dan mengukuhkan keyakinan orang ramai terhadap integriti, pengurusan dan operasi WAQAF FELDA (“WF”).

Untuk menggalakkan budaya pematuhan Syariah WF, Lembaga Pengarah berperanan dalam meluluskan sebarang dasar yang selari dengan kehendak dan tuntutan syarak. Lembaga Pengarah turut bertanggungjawab mengawasi pelaksanaan rangka kerja kawalan dalam untuk mencegah insiden ketidakpatuhan Syariah dan merangka sebarang langkah pembetulan untuk menyelesaikan insiden atau keadaan yang mungkin mengakibatkan atau benar-benar mengakibatkan ketidakpatuhan Syariah. Bagi melaksanakan budaya pematuhan Syariah WF, Lembaga mengambil kira sebarang keputusan atau nasihat Jawatankuasa Syariah mengenai sebarang isu Syariah berkaitan dengan operasi, perniagaan, hal ehwal atau aktiviti WF.

Oleh itu, Jawatankuasa Syariah WF telah diwujudkan untuk bertanggungjawab kepada barisan Ahli Lembaga Pengarah bagi memastikan budaya pematuhan Syariah dalam pelaksanaan operasi WF. Barisan Ahli Jawatankuasa Syariah WF dipengerusikan oleh Dr Yusri Mohamad dan dianggotai oleh Sahibus Samahah Timbalan Mufti WP Tuan Haji Jamali Mohd Adnan, Dr Mohd Faisal Mustaffa dan Prof Madya Dr Nurul Aini Mohamed. Dalam melaksanakan tadbir urus Syariah serta merealisasikan budaya pematuhan Syariah, antara perkara yang telah disemak dan dimesyuaratkan adalah melibatkan Polisi Tadbir Urus Syariah WF, status wakaf Tanah GSA FELDA, penerimaan dana pemurnian dividen, pelaksanaan Wakaf Tandan, wakaf Menara, pertukaran Dana Wakaf Tunai kepada Wakaf Mubasyir serta status Dana Agihan Manfaat Pelaburan Semula.

Dr Yusri bin Mohamad
Pengerusi Jawatankuasa Syariah WAQAF FELDA,
Merangkap Ahli Lembaga Pengarah WAQAF FELDA.



PROFIL SYARIKAT WAQAF FELDA



KEJAYAAN
dalam
KEBERKATAN

AHLI LEMBAGA PENGARAH WAQAF FELDA



Dari kiri ke kanan

DR. HAJI RAZALI BIN OTHMAN Pengarah Bebas; **HAJI JAMALUDDIN BIN MD ALI** Pengarah Bebas; **DATUK HAJI MOHD AJIB BIN ISMAIL** Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan; **DATO' AMIRUDDIN BIN ABDUL SATAR** Pengarah Besar FELDA; **TAN SRI IDRIS BIN JUSOH** Pengurus FELDA;



Dari kiri ke kanan

EN IZHAM BIN MUSTAFFA Timbalan Pengarah Besar (Operasi) FELDA; **EN MOHD NIZAM BIN HAJI YAHYA** Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP; **DR. RESUL BIN SAPAR** Pengarah Bebas; **DR. YUSRI BIN MOHAMAD** Ahli MAIWP; **PUAN NORHANA BINTI RAMLI** Setiausaha Syarikat

PROFIL LEMBAGA PENGARAH

WAQAF FELDA

TAN SRI IDRIS BIN JUSOH



Pengerusi FELDA / Pengerusi Waqaf FELDA

Beliau merupakan pengasas WAQAF FELDA yang telah dinamakan di dalam perlumbagaan serta telah dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) sejak 1 Mei 2020. Sebelum ini beliau merupakan Menteri Pengajian Tinggi dari 28 Julai 2015 hingga 21 Mei 2018.

Berkelulusan MBA (Kewangan) dari Universiti New Haven, Amerika Syarikat dan Ijazah dalam Sains Sosial (Ekonomi dan Pengurusan) dari Universiti Sains Malaysia (USM), di mana beliau turut menerima Anugerah Pingat Emas kerana muncul sebagai Valedictorian USM. Di USM, beliau adalah presiden persatuan pelajar manakala di New Haven, beliau adalah presiden persatuan pelajar antarabangsa, mempamerkan bakat kepimpinannya pada usia muda. Disamping itu, beliau belajar bahasa Arab di Universiti Jordan pada tahun 1994. Komited untuk pembelajaran sepanjang hayat, beliau juga telah menghadiri Program Pengurusan Lanjutan (AMP) di Harvard (2001) dan INSEAD, Perancis (2008), Program Kepimpinan dalam Negara Membangun di Harvard Kennedy Sekolah, Universiti Harvard pada tahun 2009. Terbaru, beliau telah menghadiri kursus Pengaturcaraan Neuro Linguistik di Orlando, Florida (2016).

Bakat kepimpinannya pada usia muda. Disamping itu, beliau belajar bahasa Arab di Universiti Jordan pada tahun 1994. Komited untuk pembelajaran sepanjang hayat, beliau juga telah menghadiri Program Pengurusan Lanjutan (AMP) di Harvard (2001) dan INSEAD, Perancis (2008), Program Kepimpinan dalam Negara Membangun di Harvard Kennedy Sekolah, Universiti Harvard pada tahun 2009. Terbaru, beliau telah menghadiri kursus Pengaturcaraan Neuro Linguistik di Orlando, Florida (2016).

Sebelum ini, beliau pernah menjadi Menteri Pendidikan II (2013 – 2015), Pengerusi Majlis Amanah Rakyat (MARA) (2008 – 2013), Menteri Besar Terengganu (2004-2008) dan Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan (1995-1999). Tan Sri Idris Jusoh juga pernah berkhidmat sebagai Ahli Parlimen kawasan Besut, Terengganu, kampung halamannya dari 2013 hingga 2022. Beliau juga pernah menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jerteh di Kawasan Besut dari 2004 hingga 2013.

DATO' AMIRUDDIN BIN ABDUL SATAR



Pengarah Besar FELDA

Beliau merupakan Ahli Lembaga Pengarah WAQAF FELDA yang telah dinamakan di dalam perlumbagaan serta beliau merupakan seorang Pengarah Besar di Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) mulai tahun 2020. Beliau memiliki kelulusan dalam MBA Henley Business School University of Reading, United Kingdom serta Ahli dalam Association of Chartered Certified Accountants (ACCA) dari United Kingdom dan di Kolej Melayu Kuala Kangsar, Perak. Beliau pernah berkhidmat sebagai Presiden dan Pengarah Urusan, Pengarah Eksekutif, Ketua Pegawai Operasi, Pengurus Besar Kumpulan, Timbalan Pengurus Besar dan Pengurus Kewangan di KPJ Healthcare Bhd. Selain itu, beliau merupakan seorang Pengurus Kewangan di Lembaga Tabung Haji, Akauntan di Bousted Holding Berhad dan seorang Eksekutif Kewangan di UMW Toyota Sdn. Bhd.

Disamping itu, beliau mempunyai keahlian profesional di dalam Jawatankuasa Penasihat Malaysia (MAC), Persatuan Akauntan Bertauliah (ACCA) dan Institut Pengarah Korporat Malaysia (ICDM). Beliau juga memegang jawatan Pengarah di dalam syarikat yang tersenarai seperti Jentayu Sustainable Berhad (F.K.A IPMUDA Berhad) dan FGV Holdings Berhad manakala jawatan Pengarah di dalam syarikat yang tidak tersenarai adalah Federal Land Development Authority (FELDA), Lembaga Kelapa Sawit Malaysia (MPOB) dan Felda Investment Corporation Sdn. Bhd. (FIC).

PROFIL LEMBAGA PENGARAH

/// WAQAF FELDA

IZHAM BIN MUSTAFFA



Timbalan Pengarah Besar (Operasi) FELDA

Dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah WAQAF FELDA mulai 10 Ogos 2022. Beliau berkelulusan Program Peneraju Prestasi Tinggi, SAID Business School University Of Oxford, England serta beliau memiliki Sarjana Pengurusan Industri Perladangan, Fakulti Perladangan dan Agroteknologi, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam, Selangor dan Sarjana Muda Sains Perhutanan dengan Kepujian (B. Hons. For. Sc.), Universiti Putra Malaysia (UPM) Serdang, Selangor.

Beliau merupakan Pengurus Felda Plantation Management Sdn Bhd dan Lembaga Pengeluaran Batang Minyak Sawit Kebangsaan. Sebelum ini, beliau pernah menyandang

jawatan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Industri Hiliran Minyak Sawit MPOB. Selain itu, beliau juga merupakan Ahli Lembaga Gantian Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Lembaga Pengarah Sinergi Perdana Sdn Bhd, Lembaga Pengarah Sinergi Perdana Marketing Sdn Bhd, Lembaga Pengarah Ladang Tai Tak Plantation Sdn Bhd, Lembaga Pengarah FIC Hospitality Management Sdn Bhd, Lembaga Pengarah FIC UK Properties Sdn Bhd, Lembaga Pengarah Grand Plaza Kensington Limited serta Lembaga Pengarah FIC Global Limited. Beliau juga adalah Pakar Institusi Koperasi Koperasi Kakitangan FELDA Malaysia Berhad (FELKOP) di samping itu, beliau turut memegang jawatan sebagai Ahli Jawatankuasa Perlaksanaan & Pemantauan Keberkesanan Pelan Pemulihan FELDA dan Sekretariat Jawatankuasa Produktiviti Dan Permuafakatan Kualiti FELDA & FGVHB.

DATUK HAJI MOHD AJIB BIN ISMAIL

Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan

Dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah WAQAF FELDA mulai 5 April 2022. Beliau memiliki Sijil Kursus Khas Pegawai Hal Ehwal Islam di Institute Leadership of Management, London, United Kingdom serta Sijil Perundangan dan Fatwa di Darul Ifta, Kaherah, Mesir. Beliau merupakan Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan merangkap Setiausaha Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Disamping itu, beliau merupakan Ahli Lembaga Pengarah Pusat Pungutan Zakat MAIWP dan Ahli Lembaga Pengarah Pusat Wakaf MAIWP.



PROFIL LEMBAGA PENGARAH

WAQAF FELDA



MOHD NIZAM BIN HAJI YAHYA

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP

Dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah WAQAF FELDA mulai 5 April 2022. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Syariah Dengan Kepujian di Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau merupakan pemangku Ketua Pegawai Eksekutif di Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) mulai 1 Mac 2021. Sebelum ini beliau memegang jawatan sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi) di Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan beliau juga pernah menyandang jawatan sebagai Pengurus Baitulmal di Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.



DR. HAJI RAZALI BIN OTHMAN

Pengarah Bebas

Dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah WAQAF FELDA mulai 22 November 2022. Beliau memiliki Ph.D. Pengurusan Aset Islam dari Universiti Sains Malaysia, MBA Major Pemasaran dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan B.Ekon. (Hons) Double Major Ekonomi dan Pemasaran dari Universiti Utara Malaysia. Beliau telah mendapat perlantikan rasmi sehingga hadir di pelbagai agensi kerajaan dan swasta, terutamanya dalam bidang Pengurusan Aset Islam, pengumpulan dana rohani ketuhanan, dan pemasaran perkhidmatan. Selain itu, beliau juga merupakan Perunding Utama, Pengurusan Aset Islam & Pengumpulan Dana Kerohanian di ESI Training & Consultancy, Perdana Selatan, Selangor dan Penasihat Wakaf di WAQAFA International Sdn Bhd (WAQAFA).

PROFIL LEMBAGA PENGARAH

/// WAQAF FELDA



HAJI JAMALUDDIN BIN MD ALI

Pengarah Bebas

Dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah WAQAF FELDA mulai 22 November 2022. Beliau merupakan bekas Penasihat Waqaf An Nur Corporation Berhad (WanCorp) pada tahun 2019. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian Kelas Kedua Tinggi) dari Universiti Malaya dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) dari University of Strathclyde, Glasgow, United Kingdom. Disamping itu, beliau pernah berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Eksekutif WanCorp disamping menjadi Naib Presiden Kanan, Divisyen Tanggungjawab Korporat. Beliau juga pernah dilantik sebagai penasihat Wakaf bagi PKEINPK Sdn Bhd iaitu anak syarikat milik penuh Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Negeri Perak.



DR. RESUL BIN SAPAR

Pengarah Bebas

Dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah WAQAF FELDA mulai 22 November 2022. Berkelulusan Ph.D. dalam Kewangan Islam dan Sarjana dalam Kewangan Islam di INCEIF serta Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dari Universiti Malaya. Kini, beliau merupakan seorang Pensyarah untuk subjek Kewangan Islam bagi program MBA di Universiti Putra Malaysia. Selain itu, beliau adalah seorang Pengarah Bebas bukan Eksekutif Mara Corporation Sdn. Bhd. Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Kewangan dan Audit Lembaga, Lembaga Pengarah Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan serta Jawatankuasa Tata tertib Lembaga.

PROFIL LEMBAGA PENGARAH

WAQAF FELDA



DR. YUSRI BIN MOHAMAD

Ahli MAIWP

Dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah WAQAF FELDA mulai 22 November 2022. Beliau berkelulusan Ph.D. Ijtihad Semasa dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Sarjana Undang-undang (LLM) di School of Oriental and African Studies (SOAS), Universiti of London dan Ijazah Sarjana Muda Undang-undang Syariah (Double Major) dari Universiti Islam Antarabangsa. Beliau merupakan seorang penasihat dan konsultan Syariah dalam pelbagai kapasiti, Ahli Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan Ahli Lembaga Pengarah Jawatankuasa di bawah MAIWP. Beliau juga merupakan seorang Peguam Syarie di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan.

PENUBUHAN JAWATANKUASA



KEJAYAAN
dalam
KEBERKATAN

JAWATANKUASA SYARIAH WAQAF FELDA



DR YUSRI MOHAMAD
Ahli MAIWP



DR MOHD FAISAL MUSTAFFA
Ketua Pegawai Strategi &
Transformasi Lembaga Zakat
Negeri Kedah



**SAHIBUS SAMAHAH
JAMALI MOHD ADNAN**
Timbalan Mufti Wilayah
Persekutuan



DR NURULAINI MUHAMMED
Ahli Timb Pengarah Pusat
Wakaf dan Zakat USIM

JAWATANKUASA PELABURAN

/// WAQAF FELDA



**TUAN HJ JAMALUDDIN
BIN MD ALI**

Pengarah Urusan Falih
Consulting Group Sdn Bhd



SYED FADIL SYED SOFI

Pengarah Pelaburan
Strategik FELDA



AZIDY BIN DAUD

Ketua Pengurusan Penyata
Imbangan MBSB

JAWATANKUASA PEROLEHAN WAQAF FELDA



DATO' AMIRUDDIN ABDUL SATAR
Pengarah Besar FELDA



IZHAM BIN MUSTAFFA
Timbalan Pengarah Besar
FELDA



DATUK HJ MOHD AJIB BIN ISMAIL
Pengarah JAWI



RAZUWAN CHE ROSE
Ketua Pegawai Eksekutif
WAQAF FELDA

PENGURUSAN WAQAF FELDA



KEJAYAAN
dalam
KEBERKATAN

PENGURUSAN /// WAQAF FELDA



Dari kiri ke kanan

NUR AFIQAH NADIA BINTI AHMAD TAJUDDIN Pembantu Eksekutif (Kewangan); **USTAZAH AKIPAH DEANA NAZIHAH BINTI MUNAWIR** Pembantu Eksekutif (Dakwah Media Baharu); **MUHAMMAD SYAIFUL ZIKRI BIN RAZMI** Pembantu Eksekutif (Tadbir & IT); **EN. KHAIROL AZWAN BIN HABIB** Pembantu Eksekutif (Tadbir & Perniagaan); **EN. MOHD SUFFIAN BIN MOHAMAD ISHAK** Pengurus Bahagian Kewangan, Pelaburan & Perniagaan; **UST. HISYAM BIN AHMAD** Ketua Pegawai Operasi; **EN. RAZUWAN BIN CHE ROSE** Ketua Pegawai Eksekutif;



Dari kiri ke kanan

EN. MOHD ISKANDAR BIN YUSOF Pengurus Kanan Bahagian Pengurusan & Pentadbiran; **UST. MUHAMAT FAIZAL BIN MARJANI AS-SARAWAQI** Pengurus Bahagian Keahlian & Dana Sosial; **UST. NASHARUDIN BIN SAID** Pembantu Eksekutif (Dakwah, Penerangan & Dana Sosial); **EN. AZWAN BIN AMERI** Kerani Kanan; **SITI NORATIFA IDAYU BINTI ZAINAL ABIDIN** Pembantu Eksekutif (Tadbir); **FARIDATUL NADIRA BINTI SABARI** Setiausaha Pejabat



MODEL WAQAF FELDA



KEJAYAAN
dalam
KEBERKATAN

MODEL WAQAF FELDA

LEMBAGA



DANA WAKAF

PELABURAN/
PERNIAGAAN

AGIHAN
MANFAAT



65 %

5 %

30 %

PELABURAN
SEMULA

MAIWP

KEBAJIKAN
UMUM



KEAHLIAN

SUMBER DANA WAKAF

FELDA &
ANAK SYARIKAT
FELDA



FELDA



FIC



FPM

SYARIKAT
BERKEPENTINGAN



FGV



MSM



ENCORP

KOPERASI



KOGUNA



KPF2



KPF



FELKOP

NGO & BADAN
PENEROKA



JKKR FELDA



GPW



KAF



MBFM



PENEROKA




KAKITANGAN



ORANG
AWAM

KATEGORI KEAHLIAN


/// WAQAF FELDA



PENGAGIHAN MANFAAT

WAQAF FELDA

DANA WAKAF



SASARAN PEWAKAF



FELDA - RM10 JUTA

FGV - RM5 JUTA

Koperasi / SYARIKAT FELDA - RM5 JUTA

RM 20 JUTA



SYARIKAT

RM 500/ PENEROKA

RM 50 JUTA



PENEROKA

2023

RM80,000,000

SASARAN

wcqaf
FELDA

RM500,000,000

2023



AWAM

- SYARIKAT

- INDIVIDU

- BADAN / ORGANISASI

RM 6 JUTA



PETUGAS

FELDA RM500 X 2,000

SYARIKAT FELDA RM500 X10,000

RM 4 JUTA

SALURAN BERWAKAF



SECARA ONLINE

Wakaf Individu/Wakaf Korporat

Baris Pada Mengisi Data Penggunaan	Pemasukan	Ramalan	Ingrat	
No. Ktp Pengguna	Jumlah Saldo	+	Pkt. I.	
No Telepon	Kategori	-	Sal Kewajib.	
No Telp WH	Bonus Dapat Pihak	+	Catatan	
Atribut Bonus (WH)		<input type="button" value="Bisa Pakai"/>	<input type="button" value="Selanjutnya"/>	<input type="button" value="Kembali"/>
<hr/>				
<input type="checkbox"/> Saya mengizinkan informasi pribadi yang saya berikan diolah dan diproses oleh PT. Bina Insan Mandiri untuk memberikan layanan dan produk wakaf melalui aplikasi ini.				

Portal www.waqaffelda.com

Secara atas talian


Permohonan keahlian dan sumbangan wakaf boleh dibuat dengan melayari www.waqaffelda.cbom.my, ikuti Langkah yang telah disediakan di laman sesawang. Pemohon akan menerima notifikasi melalui emel yang berdaftar.



SECARA TUNAI

Bayaran secara tunai. (Borang)

Pemohonan keahlian boleh dibuat secara tunai dengan mengisi borang permohonan keahlian dan disertakan dengan bukti pembayaran.



SECARA PEMOTONGAN GAJI

Melalui potongan qqii (Kakitngnaan)

Petugas FELDA atau kumpulan FELDA kini boleh berwakaf melalui potongan gaji dengan mengisi borang yang telah disediakan.



SECARA POTONGAN PAYSHEET

Melalui potongan paysheet (Peneroka)

Peneroka yang ingin berwakaf dengan WAQAF FELDA boleh menggunakan kaedah potongan paysheet melalui Jabatan Kewangan FELDA.

PENCAPAIAN

/// KEAHLIAN

PENCAPAIAN KEAHLIAN (SEHINGGA MAC 2023)

JUMLAH AHLI
35,877
KEAHLIAN

35,171 AHLI INDIVIDU

706 AHLI KORPORAT



Keluarga Peneroka
31,381 Ahli



Petugas Kumpulan FELDA
3,646 Ahli



Lain-lain Individu
144 Ahli



Badan dan Syarikat
Rancangan
668 Ahli



Kumpulan-kumpulan
Syarikat/Koperasi/
Pertubuhan
38 Ahli

PENCAPAIAN

/// DANA WAKAF

PENCAPAIAN DANA WAKAF (SEHINGGA MAC 2023)

DANA WAKAF KEAHLIAN
RM 27,716,536

RM 8,131,536

INDIVIDU



Keluarga Peneroka

RM 6,731,879



Petugas Kumpulan FELDA

RM 1,330,928



Lain-lain Individu

RM 68,729

RM 19,585,000

KORPORAT



Badan dan Syarikat

Rancangan

RM 1,653,024



Kumpulan-kumpulan
Syarikat/Koperasi/
Pertubuhan

RM 17,931,976

NOTIS MESYUARAT AGUNG

LAPORAN KEWANGAN



KEJAYAAN
dalam
KEBERKATAN

NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KEDUA

NOTIS ADALAH DENGAN INI DIBERIKAN bahawa satu **Mesyuarat Agung Tahunan WAQAF FELDA ("Syarikat") Kali Kedua** akan diadakan seperti ketetapan dan untuk tujuan seperti berikut:

Tarikh : **7 Jun 2023**
Hari : **Rabu**
Masa : **10.30 pagi**
Tempat : **Dewan Bankuet 1, Menara FELDA, Platinum Park, No 11 Jalan Persiaran KLCC, 50088 Kuala Lumpur**

AGENDA

Sebagai Ketetapan/Urusan Biasa:

1. Untuk menerima Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tempoh Dari 1 April 2022 Sehingga 31 Disember 2022 serta Laporan Lembaga Pengarah dan Laporan Juruaudit (*seperti yang dilampirkan*). **Resolusi 1**
2. Untuk memilih dan melantik semula Pengarah-pengarah berikut yang bersara menurut Seksyen 205 (3) (b) Akta Syarikat 2016 serta Klaus 67, 68 dan 69 Perlembagaan Syarikat:
 - (a) YBhg Tan Sri Idris bin Jusoh; **Resolusi 2**
 - (b) YBhg Dato' Amiruddin bin Abdul Satar; dan **Resolusi 3**
 - (c) YBrs Encik Izham bin Mustaffa. **Resolusi 4**
3. Untuk melantik semula Tetuan MNZWaja (AF 001959) sebagai Juruaudit Syarikat bagi tahun berikutnya dan memberi kuasa kepada para Pengarah untuk menetapkan imbuhan mereka. **Resolusi 5**
4. Untuk membuat ketetapan atau urusan lain dimana notis diberikan menurut Akta Syarikat 2016 dan Perlembagaan Syarikat.

Dengan Perintah Lembaga Pengarah,



.....
Setiausaha Syarikat
Norhana Ramli
BC/N/1815

Bertarikh: 16 Mei 2023

NOTA PENERANGAN:

1. Resolusi 1 - Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tempoh Dari 1 April 2022 Sehingga 31 Disember 2022 serta Laporan Lembaga Pengarah dan Laporan Juruaudit

Pembentangan Penyata Kewangan Beraudit adalah berdasarkan peruntukan Seksyen 340(1)(a) Akta Syarikat 2016.

Penyata Kewangan Bagi Tempoh Dari 1 April 2022 Sehingga 31 Disember 2022 tidak tertakluk kepada kelulusan dan pengundian ahli.

2. Resolusi 2 sehingga 4 - Pelantikan Semula Pengarah Menurut Seksyen 205 (3)(b) Akta Syarikat 2016 dan Klausu 67, 68 dan 69 Perlembagaan Syarikat:

Klausu 67 Perlembagaan Syarikat menetapkan bahawa satu pertiga daripada jumlah keseluruhan Ahli Lembaga Pengarah akan bersara pada Mesyuarat Agung Tahunan, dan layak untuk dilantik semula menurut Klausu 69 Perlembagaan Syarikat.

Klausu 58 Perlembagaan Syarikat menetapkan bahawa Lembaga Pengarah mestilah terdiri daripada Ahli Kehormat (*Honorary Members*) seperti yang dinyatakan di dalam Klausu 20 (a) Perlembagaan Syarikat iaitu (i) Pengurusi FELDA, (ii) Pengarah Besar FELDA, dan (iii) Timbalan Pengarah Besar FELDA. Oleh yang demikian, YBhg Tan Sri Idris bin Jusoh (selaku Pengurusi FELDA), YBhg Dato' Amiruddin bin Abdul Satar (selaku Pengarah Besar FELDA) dan YBrs Encik Izham bin Mustaffa (selaku Timbalan Pengarah Besar FELDA) adalah layak untuk dilantik semula pada Mesyuarat Agung Tahunan Kali Kedua ini.

3. Resolusi 5 - Pelantikan Semula Juruaudit MNZWaja (AF 001959)

Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah Ke-7 Bil 2/2023 telah bermesyuarat pada 10 Mei 2023 dan meluluskan pelantikan MNZWaja sebagai Juruaudit Syarikat, berdasarkan sejarah prestasi, pengalaman dan kesesuaian Juruaudit tersebut, Ahli Lembaga Pengarah seterusnya telah meluluskan cadangan pelantikan semula Juruaudit di dalam Mesyuarat Agung Tahunan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023. Juruaudit MNZWaja (AF 001959) telah menyatakan kesanggupan untuk meneruskan perkhidmatan mereka bagi tahun kewangan berikutnya.

NOTA KEAHLIAN:

1. Kelayakan mengundi adalah seperti yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan Syarikat seperti berikut:

No	Kategori Keahlian	Bilangan Undi	Yuran Keahlian (Wakaf)
1	Ahli Balatin	1,000	RM10,000,000.00 ke atas
2	Ahli Zamrud	500	RM5,000,000.00 – RM9,999,999.99
3	Ahli Zahab	100	RM1,000,000.00 – RM4,999,999.99
4	Ahli Fiddhah	10	RM100,000.00 – 999,999.99
5	Ahli Hadid	1	RM10,000.00 – RM99,999.99
6	Ahli Kehormat	1	Tiada

BORANG PROKSI

Saya/Kami _____

No. KP/No. Syarikat: _____

beralamat di _____

yang merupakan ahli *Hadid/Fiddhah/Zahab/Zamrud/Balatin WAQAF FELDA dengan ini melantik wakil berikut sebagai proksi saya/kami untuk mengundi bagi pihak saya/kami di dalam **Mesyuarat Agung Tahunan Kali Kedua** WAQAF FELDA yang akan diadakan di **Dewan Bankuet 1, Menara FELDA, Platinum Park, No 11, Jalan Persiaran KLCC, 50088 Kuala Lumpur** pada **7 Jun 2023** pada pukul **10.30 pagi** dan pada sebarang penangguhannya, mengikut cara yang dinyatakan di bawah:

No	Nama Proksi	No. K/P	Bilangan undi yang diwakili
1			
2			

* Sila tanda yang mana berkenaan

.....
Tandatangan Ahli/Cop Syarikat

Nama:

Tarikh:

NOTA:

1. Setiap ahli WAQAF FELDA yang layak hadir dan mengundi di dalam mesyuarat ini berhak untuk melantik proksi untuk hadir dan mengundi bagi pihaknya menurut Klaus 52 - 56 Perlembagaan Syarikat.
2. Proksi tidak semestinya ahli WAQAF FELDA.
3. Sekiranya ahli diwakili oleh lebih daripada seorang proksi, pelantikan proksi tersebut mestilah dinyatakan dengan jelas bilangan atau jumlah undian yang dipegang oleh setiap proksi.
4. Sekiranya ahli yang diwakili adalah sebuah syarikat/pertubuhan/perbadanan/koperasi atau lain-lain, Borang Proksi tersebut mestilah dibuat sama ada di bawah meterai syarikat atau ditandatangani oleh wakil yang diberi kuasa.
5. Borang Proksi hendaklah dihantar ke pejabat Syarikat WAQAF FELDA di **WAQAF FELDA, Tingkat 46, Menara FELDA, Platinum Park, No 11 Jalan Persiaran KLCC, 50088 Kuala Lumpur, atau diemel kepada Setiausaha Syarikat, hana@hanaramli.com** tidak kurang daripada 48 jam sebelum mesyuarat diadakan atau mana-mana penangguhan kapadanya.

WAQAF FELDA
(Dahulunya dikenali sebagai TABUNG FELDA)
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
(Diperbadankan di Malaysia)
No Syarikat : 202101011212 (1411511 - T)

**LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN
BAGI TEMPOH DARI 1 APRIL 2022
SEHINGGA 31 DISEMBER 2022**

MNZWAJA (AF 001959)
AKAUNTAN BERTAULIAH (MALAYSIA)

WAQAF FELDA (Dahulunya dikenali sebagai TABUNG FELDA)

(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)

No Syarikat : 202101011212 (1411511 - T)

Isi kandungan

Mukasurat

Maklumat Korporat	1
Laporan Lembaga Pengarah	2 - 5
Penyata Lembaga Pengarah	6 - 7
Akuan Berkanun	8
Laporan Juruaudit Bebas	9 - 13
Penyata Kewangan	
Penyata Kedudukan Kewangan	14
Penyata Pendapatan	15
Penyata Perubahan Dana	16
Penyata Aliran Tunai	17
Nota - nota kepada Penyata Kewangan	18 - 38

WAQAF FELDA (Dahulunya dikenali sebagai TABUNG FELDA)
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
No Syarikat : 202101011212 (1411511 - T)

MAKLUMAT KORPORAT

LEMBAGA PENGARAH

Tan Sri Idris bin Jusoh
Dato' Amiruddin bin Abdul Satar
Datuk Haji Mohd Ajib bin Ismail
Encik Mohd Nizam bin Haji Yahya
Encik Izham bin Mustaffa
Encik Resul bin Sapar
Encik Razali Othman
Encik Jamalusin bin Md. Ali
Encik Yusri bin Mohamad

SETIAUSAHA SYARIKAT

Norhana binti Ramli (BC/N/1815)

PEJABAT BERDAFTAR

Tingkat 47, Pejabat Pengarah Besar, Menara FELDA
Platinum Park, No 11 Persiaran KLCC
50088 Kuala Lumpur

TEMPAT PERNIAGAAN UTAMA

Tingkat 46, Menara FELDA
Platinum Park, No 11 Persiaran KLCC
50088 Kuala Lumpur

JURUAUDIT

MNZWAJA (AF 001959)
Chartered Accountants (Malaysia)
No 19-2-1, Jalan Wangsa Delima 5
Pusat Bandar Wangsa Maju (KLSC)
53300 Kuala Lumpur

BANK - BANK UTAMA

Malayan Banking Berhad
MBSB Bank Berhad

- 1 -

WAQAF FELDA (Dahulunya dikenali sebagai TABUNG FELDA)

(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)

No Syarikat : 202101011212 (1411511 - T)

LAPORAN LEMBAGA PENGARAH

Lembaga pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan mereka dan penyata kewangan Syarikat yang telah diaudit bagi tempoh dari 1 April 2022 sehingga 31 Disember 2022.

KEGIATAN UTAMA

Kegiatan utama Syarikat ialah (sebagai badan yang diberi tauliah sebagai mutawalli oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan) menerima, mengurus / mentadbir dan mengagihkan (manfaat) sumbangan wakaf.

PENUKARAN NAMA SYARIKAT

Syarikat telah membuat penukaran nama daripada TABUNG FELDA kepada WAQAF FELDA pada 14 Oktober 2021.

PENUKARAN TAHUN KEWANGAN SYARIKAT

Syarikat telah membuat penukaran tahun kewangan daripada 31 Mac 2022 kepada 31 Disember 2022.

HASIL

RM

Keuntungan komprehensif keseluruhan bagi tempoh kewangan berakhir

678,132

Pada pendapat para pengarah, hasil kendalian Syarikat bagi tahun kewangan tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang perkara, urus niaga atau peristiwa penting dan berbentuk luarbiasa.

RIZAB DAN PERUNTUKAN

Tidak ada sebarang pindahan penting yang telah dibuat kepada atau daripada rizab dan peruntukan sepanjang tempoh kewangan ini.

WAQAF FELDA (Dahulunya dikenali sebagai TABUNG FELDA)

(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)

No Syarikat : 202101011212 (1411511 - T)

**LEMBAGA PENGARAH**

Para Pengarah Syarikat yang berkhidmat sejak tarikh penubuhan dan pada tarikh laporan ini ialah:-

Tan Sri Idris bin Jusoh	
Dato' Amiruddin bin Abdul Satar	
Datuk Haji Mohd Ajib bin Ismail	
Encik Mohd Nizam bin Haji Yahya	
Encik Izham bin Mustaffa	
Encik Resul bin Sapar	(Dilantik pada 22.11.2022)
Encik Razali Othman	(Dilantik pada 22.11.2022)
Encik Jamalusin bin Md. Ali	(Dilantik pada 22.11.2022)
Encik Yusri bin Mohamad	(Dilantik pada 22.11.2022)

Syarikat ini merupakan sebuah syarikat berhad dengan jaminan tanpa syer dan oleh itu ia hanya tidak mempunyai saham di mana para pengarah tidak boleh mempunyai sebarang kepentingan.

MANFAAT PARA PENGARAH

Di sepanjang dan pada akhir tahun kewangan, Syarikat tidak menjadi pihak kepada sebarang persetujuan yang matlamatnya ialah untuk membolehkan para pengarah Syarikat mendapat manfaat melalui perolehan saham atau debentur Syarikat atau sebarang badan korporat.

Sejak dari tahun sebelumnya, tidak ada pengarah yang telah menerima atau berhak menerima manfaat (selain daripada manfaat yang termasuk dalam ganjaran diterima atau akan diterima dan patut diterima oleh para pengarah seperti yang dinyatakan di nota kepada penyata kewangan atau gaji tetap bagi pekerja separuh masa Syarikat) akibat daripada sebarang kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau syarikat berkaitan dengan pengarah atau dengan firma di mana ia adalah ahli, atau dengan syarikat di mana ia mempunyai kepentingan kewangan yang nyata.

INDEMNITI PENGARAH, PEGAWAI ATAU JURUAUDIT

Tiada indemniti telah diberikan atau premium insurans yang telah dibayar, semasa atau pada akhir tahun kewangan ini, bagi mana-mana pengarah, pegawai atau juruaudit Syarikat yang sedang berkhidmat atau telah berkhidmat.

WAQAF FELDA (Dahulunya dikenali sebagai TABUNG FELDA)

(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)

No Syarikat : 202101011212 (1411511 - T)

MAKLUMAT BERKANUN LAIN

- (a) Sebelum penyata kedudukan kewangan dan penyata pendapatan komprehensif Syarikat disediakan, para pengarah telah mengambil langkah - langkah yang sewajarnya:
- (i) untuk memastikan bahawa tindakan yang sesuai telah diambil berkaitan dengan penghapuskiraan hutang lapuk dan elaun bagi hutang ragu dan berpuas hati bahawa kesemua hutang yang diketahui lapuk telah dihapuskira dan elaun yang memadai telah dibuat untuk hutang ragu; dan
 - (ii) untuk memastikan bahawa aset semasa yang berkemungkinan tidak dapat direalisasi pada nilainya seperti yang ditunjukkan di dalam rekod-rekod perakaunan dalam perjalanan perniagaan biasa telah dikurangkan nilainya kepada jumlah yang dianggap boleh direalisasi.
- (b) Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak menyedari sebarang keadaan:
- (i) yang boleh menyebabkan jumlah penghapusan bagi hutang lapuk atau jumlah peruntukan bagi hutang ragu di dalam penyata kewangan Syarikat tidak mencukupi pada tahap yang ketara; atau
 - (ii) yang boleh menyebabkan nilai aset semasa di dalam penyata kewangan Syarikat mengelirukan; atau
 - (iii) yang timbul yang menyebabkan kaedah semasa penilaian aset atau liabiliti Syarikat mengelirukan atau tidak sesuai; atau
 - (iv) yang tidak diuruskan di dalam laporan ini atau penyata kewangan yang boleh menyebabkan sebarang jumlah yang didedahkan di dalam penyata kewangan Syarikat masing-masing mengelirukan.
- (c) Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:
- (i) tiada liabiliti luar jangka atau liabiliti lain telah berkuatkuasa atau berkemungkinan akan berkuatkuasa dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan ini yang akan atau boleh menjelaskan keupayaan Syarikat menuaikan kewajipannya apabila tiba masanya; dan
 - (ii) tiada butiran, urus niaga atau kejadian yang bersifat penting dan ganjil yang timbul di dalam jangkamasa di antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini, yang berkemungkinan boleh menjelaskan secara ketara hasil kendalian Syarikat bagi tahun kewangan di mana laporan ini disediakan.

WAQAF FELDA (Dahulunya dikenali sebagai TABUNG FELDA)
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
No Syarikat : 202101011212 (1411511 - T)

GANJARAN JURUAUDIT

Ganjaran yang dibayar kepada juruaudit ke atas kerja-kerja pengauditan yang dijalankan sebagai juruaudit adalah seperti berikut:

	1.4.2022	26.3.2021
	sehingga	sehingga
	31.12.2022	31.3.2022
	RM	RM
Audit berkanun	<u>12,500</u>	<u>12,500</u>

JURUAUDIT


Juruaudit, Tetuan MNZWAJA, telah menyatakan kesanggupan mereka untuk menerima perlantikan semula.

WAQAF FELDA (Dahulunya dikenali Sebagai TABUNG FELDA)
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
No Syarikat : 202101011212 (1411511 - T)

Ditandatangani bagi pihak Ahli Lembaga Pengarah menurut resolusi Lembaga Para Pengarah.



TAN SRI IDRIS BIN JUSOH



DATUK HAJI MOHD AJIB BIN ISMAIL

Kuala Lumpur
Tarikh: **16 MAY 2023**

-6 -

WAQAF FELDA (Dahulunya dikenali Sebagai TABUNG FELDA)

(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
No Syarikat : 202101011212 (1411511 - T)

PENYATA LEMBAGA PENGARAH
Menurut Seksyen 251(2) Akta Syarikat 2016

Kami, TAN SRI IDRIS BIN JUSOH dan DATUK HAJI MOHD AJIB BIN ISMAIL, selaku dua daripada Lembaga Pengarah **WAQAF FELDA (Dahulunya dikenali sebagai TABUNG FELDA)** menyatakan bahawa pada pendapat Lembaga Pengarah, penyata kewangan yang dibentangkan telah disediakan menurut kehendak Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa dan keperluan Akta Syarikat 2016, supaya memberikan gambaran yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Syarikat pada tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2022 dan prestasi serta aliran tunai kewangan Syarikat bagi tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2022.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi Lembaga Para Pengarah

TAN SRI IDRIS BIN JUSOH

DATUK HAJI MOHD AJIB BIN ISMAIL

Kuala Lumpur
Tarikh: **16 MAY 2023**

WAQAF FELDA (Dahulunya dikenali Sebagai TABUNG FELDA)
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
No Syarikat : 202101011212 (1411511 - T)

AKUAN BERKANUN
Menurut Seksyen 251 (1)(b) Akta Syarikat 2016

Saya, RAZUWAN BIN CHE ROSE, pegawai yang bertanggungjawab atas rekod - rekod perakaunan dan pengurusan kewangan **WAQAF FELDA (Dahulunya dikenali sebagai TABUNG FELDA)**, dengan takzimnya dan seikhlasnya mengakui bahawa penyata kewangan yang dibentangkan adalah mengikut sebaik - baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya adalah benar dan mengikut kehendak peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960.

Ditandatangani dan diikrarkan oleh
Seperti yang dinyatakan di atas
RAZUWAN BIN CHE ROSE di
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Bandar Baru Bangi
Selangor

16 MAY 2023

Di hadapan saya,



RAZUWAN BIN CHE ROSE



310A Diamond Complex,
Bangi Business Park,
Jalan Medan Off Jln Persiaran,
43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor.



LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI

WAQAF FELDA (Dahulunya dikenali sebagai TABUNG FELDA)
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
No Syarikat : 202101011212 (1411511 - T)

Laporan mengenai penyata kewangan

Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan **WAQAF FELDA (Dahulunya dikenali sebagai TABUNG FELDA)** yang mengandungi penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2022, dan penyata pendapatan dan penyata aliran tunai bagi tempoh kewangan berakhir pada 31 Disember 2022 dan nota - nota kepada penyata kewangan, termasuk ringkasan dasar perakaunan penting.

Pada pendapat kami, penyata kewangan tersebut memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Syarikat pada 31 Disember 2022 dan prestasi kewangan dan aliran tunainya bagi tempoh kewangan berakhir pada tarikh tersebut menurut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia (MFRS), Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa (IFRS) dan keperluan Akta Syarikat 2016 di Malaysia.

Asas bagi Pendapat

Kami telah menjalankan pengauditan kami mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut diuraikan dengan lanjut dalam laporan kami di bawah Tanggungjawab Juruaudit untuk Pengauditan Penyata Kewangan. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Kami adalah bebas dan berkecuali daripada Syarikat mengikut Undang-Undang Kecil (Etika Profesional, Kelakuan dan Amalan), Institut Akauntan Malaysia ("Undang-Undang Kecil") dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Kod Etika Antarabangsa Akauntan Professional (termasuk Piawaian Bebas Antarabangsa) (Kod IESBA), dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika berdasarkan mengikut undang-undang kecil dan Kod IESBA.





LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI (SAMBUNGAN)

WAQAF FELDA (Dahulunya dikenali sebagai TABUNG FELDA)
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
No Syarikat : 202101011212 (1411511 - T)

Maklumat Lain Selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit

Lembaga Pengarah Syarikat adalah bertanggungjawab ke atas maklumat lain. Maklumat lain terdiri daripada Laporan Pengarah tetapi tidak termasuk penyata kewangan Syarikat dan laporan juruaudit.

Pendapat kami ke atas penyata kewangan Syarikat tidak merangkumi Laporan Pengarah dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Sehubungan dengan pengauditan kami ke atas penyata kewangan Syarikat, tanggungjawab kami adalah untuk membaca maklumat yang lain dan berbuat demikian, kami dapat mempertimbangkan sama ada maklumat lain tersebut tidak konsisten secara ketara dengan penyata kewangan Syarikat mahupun pengetahuan yang kami perolehi semasa pengauditan atau kesalahan yang ketara.

Jika berdasarkan kerja yang telah kami jalankan, kami berpendapat bahawa terdapat kesalahan yang ketara dalam maklumat lain, kami dikehendaki melaporkan perkara tersebut. Dalam hal ini, kami tidak mempunyai sebarang perkara untuk dilaporkan.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Laporan Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Syarikat yang memberikan gambaran yang benar dan saksama menurut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia, Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa dan peruntukan Akta Syarikat 2016 di Malaysia. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman mengikut keperluan bagi penyediaan penyata kewangan Syarikat yang bebas daripada kesalahan yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Syarikat, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Syarikat untuk terus beroperasi sebagai satu usaha berterusan dan juga mendedahkan mengenai perkara-perkara yang berkaitan serta menggunakan asas perakaunan untuk usaha berterusan melainkan jika Lembaga Pengarah berhasrat untuk membubarkan Syarikat atau untuk menghentikan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik tetapi untuk berbuat demikian.

- 10 -



Telephone : +603 8322 8100
Fax : +603 8322 8200

4811 - 3A - 43, CBD Perdana 2,
Persiaran Flora,
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan



LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI (SAMBUNGAN)

WAQAF FELDA (Dahulunya dikenali sebagai TABUNG FELDA)

(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)

No Syarikat : 202101011212 (1411511 - T)

Tanggungjawab Juruaudit terhadap Laporan Kewangan

Objektif kami adalah untuk memperolehi jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan Syarikat secara keseluruhannya adalah bebas daripada kesalahan yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan suatu laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan kesalahan yang ketara apabila ia berlaku. Kesalahan ketara boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap penting sama ada secara individu atau secara terkumpul, ia boleh dijangkakan dengan munasabah dan boleh mempengaruhi keputusan ekonomi pengguna yang diambil berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional di keseluruhan audit. Kami juga:

- Mengenal pasti dan menilai risiko kesalahan ketara dalam penyata kewangan Syarikat, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit bersesuaian dengan risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan sesuai untuk memberikan asas yang munasabah terhadap pendapat kami. Risiko untuk tidak mengesan kesalahan ketara akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada yang terhasil daripada kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan secara sengaja, gambaran yang salah, atau melangkau kawalan dalam.
- Mendapatkan pemahaman dalam kawalan dalam yang relevan terhadap audit bagi tujuan merangka prosedur yang bersesuaian, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalam Syarikat.
- Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan dan kewajaran anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan yang dibuat oleh Lembaga Pengarah.

- 11 -



Telephone : +603 8322 8100
Fax : +603 8322 8200

4811 - 3A - 43, CBD Perdana 2,
Persiaran Flora,
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan



LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI (SAMBUNGAN)

WAQAF FELDA (Dahulunya dikenali sebagai TABUNG FELDA)
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
No Syarikat : 202101011212 (1411511 - T)

Tanggungjawab Juruaudit terhadap Laporan Kewangan (sambungan)

- Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian yang berkaitan dengan peristiwa-peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan terhadap keupayaan Syarikat untuk terus beroperasi sebagai satu usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian wujud, kami dikehendaki untuk melaporkan dalam laporan juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan di dalam penyata kewangan Syarikat atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, untuk mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami dibuat berdasarkan kepada bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa hadapan boleh menyebabkan Syarikat untuk berhenti daripada terus beroperasi sebagai satu usaha berterusan.
- Menilai keseluruhan pembentangan, struktur dan kandungan penyata kewangan Syarikat, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan mewakili urus niaga dan peristiwa dalam cara yang mencapai pembentangan saksama.

Kami berkomunikasi dengan Lembaga Pengarah mengenai, antara lain, skop yang dirancang dan masa pengauditan dan penemuan penting, termasuk apa-apa kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa audit kami.

- 12 -



Telephone : +603 8322 8100
Fax : +603 8322 8200

4811 - 3A - 43, CBD Perdana 2,
Persiaran Flora,
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan



LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI (SAMBUNGAN)

WAQAF FELDA (Dahulunya dikenali sebagai TABUNG FELDA)
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
No Syarikat : 202101011212 (1411511 - T)

Hal-hal Lain

Laporan ini disediakan hanya untuk ahli - ahli Syarikat, sebagai sebuah badan berdasarkan Seksyen 266, Akta Syarikat 2016 di Malaysia dan bukan untuk sebarang tujuan lain. Kami tidak akan bertanggungjawab kepada mana mana pihak lain yang bergantung kepada kandungan laporan ini.

MNZ WAJA
AF 001959
Akauntan Bertauliah

Taqiyuddin Animi bin Abdul Satar
02378/09/2024 J
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur
Tarikh: **16 MAY 2023**

- 13 -



Telephone : +603 8322 8100
Fax : +603 8322 8200

4811 - 3A - 43, CBD Perdana 2,
Persiaran Flora,
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan

WAQAF FELDA (Dahulunya dikenali sebagai TABUNG FELDA)
 (Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
 No Syarikat : 202101011212 (1411511 - T)

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
 Pada 31 Disember 2022

	Nota	Dinyatakan semula
	1.4.2022	26.3.2021
	sehingga	sehingga
	31.12.2022	31.3.2022
	RM	RM
ASET BUKAN SEMASA		
Hartanah, loji dan peralatan	4	<u>14,827</u>
Jumlah aset bukan semasa		<u>14,827</u>
		<u>13,975</u>
ASET SEMASA		
Penghutang dan pelbagai penghutang	5	221,105
Inventori	6	108,404
Tunai dan kesetaraan tunai	7	<u>28,363,849</u>
Jumlah aset semasa		<u>28,693,358</u>
		<u>10,234,605</u>
		<u>18,565</u>
		<u>10,696,925</u>
		<u>20,950,095</u>
JUMLAH ASET		<u>28,708,185</u>
		<u>20,964,070</u>
EKUITI		
Dana Wakaf	8	27,592,916
Dana Pelaburan Semula	9	330,946
Keuntungan bagi tempoh kewangan semasa		161,943
Jumlah ekuiti		<u>28,085,805</u>
		<u>19,998,530</u>
		<u>45,751</u>
		<u>-</u>
		<u>20,044,281</u>
LIABILITI SEMASA		
Pembiayaan dan pelbagai pembiayaan	10	230,815
Pendapatan tertunda	11	130,655
Dana Operasi	12	58,404
Agihan Manfaat melalui Felda / Syarikat	13	176,698
Agihan Manfaat melalui MAIWP	14	<u>25,808</u>
Jumlah liabiliti semasa		<u>622,380</u>
		<u>23,565</u>
		<u>859,168</u>
		<u>8,074</u>
		<u>24,842</u>
		<u>4,140</u>
		<u>919,789</u>
JUMLAH LIABILITI		<u>622,380</u>
		<u>919,789</u>
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI		<u>28,708,185</u>
		<u>20,964,070</u>

Nota – nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan.

WAQAF FELDA (Dahulunya dikenali sebagai TABUNG FELDA)
 (Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
 No Syarikat : 202101011212 (1411511 - T)

PENYATA PENDAPATAN
 Bagi Tempoh Kewangan Berakhir dari 1 April 2022
 sehingga 31 Disember 2022

	Nota	Dinyatakan semula	sehingga	31.3.2022
	RM	RM	RM	RM
Hasil:				
Jualan barang	43,898	52,439		
Pelunasan modal awal	892,913	155,832		
Pendapatan dari pelaburan Dana Operasi	15 7,884	690		
	<u>944,695</u>	<u>208,961</u>		
Tolak:				
Kos jualan	18,565	-		
Stok awal	110,829	42,435		
Tambah: Belian	(108,404)	(18,565)		
Tolak: Inventori akhir	20,990	23,870		
Keuntungan kasar	923,705	185,091		
Tolak: Perbelanjaan pentadbiran dan operasi	<u>(761,762)</u>	<u>(118,887)</u>		
Keuntungan operasi	161,943	66,204		
Tambah: Pendapatan dari pelaburan Dana Wakaf	15 516,189	16,603		
Keuntungan sebelum cukai	16 678,132	82,807		
Cukai pendapatan	18 -	-		
Jumlah keuntungan komprehensif keseluruhan bagi tempoh kewangan berakhir	<u>678,132</u>	<u>82,807</u>		
Diwakili oleh:				
Keuntungan tahun semasa dari operasi	161,943	66,204		
Keuntungan daripada pendapatan pelaburan	<u>516,189</u>	<u>16,603</u>		
	<u>678,132</u>	<u>82,807</u>		

Nota – nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan.

WAQAF FELDA (Dahulunya dikenali sebagai TABUNG FELDA)
 (Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
 No Syarikat : 202101011212 (1411511 - T)

PENYATA PERUBAHAN DANA
 Bagi Tempoh Kewangan Berakhir dari 1 April 2022
 sehingga 31 Disember 2022

	Tidak boleh diagihkan	Tidak boleh diagihkan	Boleh diagihkan	
Nota	Dana <u>Wakaf</u> RM	Dana Pelaburan <u>Semula</u> RM	Keuntungan bagi tempoh kewangan <u>semasa</u> RM	<u>Jumlah</u> RM
Pada 26 Mac 2021 (Tarikh penubuhan)	-	-	-	-
Tambahan dalam tempoh kewangan	19,998,530	-	-	19,998,530
Lebihan bagi tempoh kewangan semasa	<u>-</u>	<u>-</u>	<u>82,807</u>	<u>82,807</u>
Pada 31 Mac 2022	19,998,530	-	82,807	20,081,337
Agihan keuntungan komprehensif keseluruhan bagi tempoh kewangan berakhir	9 & 19	- 45,751	(45,751)	-
Agihan lain keuntungan komprehensif keseluruhan bagi tempoh kewangan berakhir	19	<u>-</u>	<u>(37,056)</u>	<u>(37,056)</u>
Pada 31 Mac 2022 (dinyatakan semula)	19,998,530	45,751	-	20,044,281
Tambahan dalam tempoh kewangan semasa	8 & 9	7,594,386	285,195	7,879,581
Keuntungan operasi	-	-	161,943	161,943
Pada 31 Disember 2022	<u>27,592,916</u>	<u>330,946</u>	<u>161,943</u>	<u>28,085,805</u>

Nota – nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan.

WAQAF FELDA (Dahulunya dikenali sebagai TABUNG FELDA)
 (Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
 No Syarikat : 202101011212 (1411511 - T)

PENYATA ALIRAN TUNAI
 Bagi Tempoh Kewangan Berakhir dari 1 April 2022
 sehingga 31 Disember 2022

	Dinyatakan semula	Dinyatakan semula
1.4.2022	26.3.2021	
sehingga	sehingga	
31.12.2022	31.3.2022	
	RM	RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI		
Keuntungan sebelum cukai	678,132	82,807
Pelarasan untuk:		
Susutnilai harta tanah, loji dan peralatan	2,198	557
Agihan keuntungan komprehensif keseluruhan bagi tempoh kewangan berakhir	<u>(516,189)</u>	<u>(82,807)</u>
Keuntungan operasi sebelum perubahan dalam modal kerja	164,141	557
Perubahan dalam penghutang dan pelbagai penghutang	10,013,500	(10,234,605)
Perubahan dalam pembiutang dan pelbagai pembiutang	207,250	23,565
Perubahan dalam Dana Operasi	50,330	8,074
Perubahan dalam Agihan Manfaat melalui Felda / Syarikat	151,856	24,842
Perubahan dalam Agihan Manfaat melalui MAIWP	21,668	4,140
Perubahan dalam inventori	(89,839)	(18,565)
Perubahan dalam pendapatan tertunda	<u>(728,513)</u>	<u>859,168</u>
Tunai bersih diperolehi / (digunakan) dalam aktiviti operasi	<u>9,790,393</u>	<u>(9,332,824)</u>
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN		
Belian harta tanah, loji dan peralatan	<u>(3,050)</u>	<u>(14,532)</u>
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan	<u>(3,050)</u>	<u>(14,532)</u>
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN		
Terimaan dana wakaf korporat	7,594,386	19,998,530
Agihan keuntungan komprehensif keseluruhan bagi tempoh kewangan berakhir bagi Dana Pelaburan Semula	<u>285,195</u>	<u>45,751</u>
Tunai bersih diperolehi daripada aktiviti pembiayaan	<u>7,879,581</u>	<u>20,044,281</u>
Pertambahan bersih dalam tunai dan bersamaan	17,666,924	10,696,925
Tunai dan bersamaan tunai pada awal tempoh kewangan	10,696,925	-
Tunai dan bersamaan tunai pada akhir tempoh kewangan	<u>28,363,849</u>	<u>10,696,925</u>

Nota – nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan.

WAQAF FELDA (Dahulunya dikenali sebagai TABUNG FELDA)
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
No Syarikat : 202101011212 (1411511 - T)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 Disember 2022

1. MAKLUMAT AM

WAQAF FELDA (Dahulunya dikenali sebagai TABUNG FELDA) adalah merupakan sebuah syarikat berhad dengan jaminan tanpa syer, diperbadankan dan diuruskan di Malaysia.

Alamat tempat perniagaan utama dan pejabat berdaftar masing - masing terletak di Tingkat 46, Menara FELDA, Platinum Park, No 11 Persiaran KLCC, 50088 Kuala Lumpur dan Tingkat 47, Pejabat Pengarah Besar, Menara FELDA, Platinum Park, No 11, Persiaran KLCC, 50088 Kuala Lumpur.

Kegiatan utama Syarikat ialah (sebagai badan yang diberi tauliah sebagai mutawalli oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan) menerima, mengurus / mentadbir dan mengagihkan (manfaat) sumbangan wakaf.

Penyata kewangan ini telah diterima dan diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah pada 16 May 2023.

2. ASAS PENYEDIAAN

(a) Penyata pematuhan

Penyata Kewangan Syarikat telah disediakan mengikut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia (MFRS), Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa (IFRS) dan peruntukan Akta Syarikat 2016 di Malaysia.

Berikut merupakan piawaian perakaunan, pindaan dan tafsiran rangka kerja yang telah diterbitkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) belum digunakan oleh Syarikat:

WAQAF FELDA (Dahulunya dikenali sebagai TABUNG FELDA)

(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)

No Syarikat : 202101011212 (1411511 - T)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2022

2. ASAS PENYEDIAAN (SAMBUNGAN)

(a) Penyata pematuhan (sambungan)

MFRS, tafsiran dan pindaan yang berkuatkuasa bagi tempoh bermula pada atau selepas 1 April 2022.

- Pindaan MFRS 11, Pengaturan Bersama (Peningkatan Tahunan kepada Piawaian MFRS 2018 - 2020)
- Pindaan MFRS 9, Instrumen Kewangan (Peningkatan Tahunan kepada Piawaian MFRS 2018 - 2020)
- Pindaan MFRS 141, Pertanian(Peningkatan Tahunan kepada Piawaian MFRS 2018 - 2020)
- MFRS 3, Gabungan Perniagaan - Rujukan kepada Kerangka Konseptual
- Pindaan MFRS 116, Harta Tanah, Loji dan Peralatan - Hasil sebelum Penggunaan yang Diharapkan
- Pindaan MFRS 137, Peruntukan, Liabiliti Luar Biasa dan Aset Luar Jangka - Kontrak Berat - Kos Memenuhi Kontrak

MFRS, tafsiran dan pindaan yang berkuatkuasa bagi tempoh bermula pada atau selepas 1 Januari 2023.

- MFRS 17, Kontrak Insurans
- Pindaan kepada MFRS 17, Kontrak Insurans (Penggunaan Awal bagi MFRS 17 dan MFRS 19 - Perbandingan Maklumat)
- Pindaan kepada MFRS 101, Pembentangan Penyata Kewangan - Pengelasan Liabiliti sebagai Semasa atau Tidak Semasa
- Pindaan kepada MFRS 101, Pembentangan Penyata Kewangan – Pendedahan Polisi Perakaunan
- Pindaan kepada MFRS 108, Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan - Definisi Anggaran Perakaunan
- Pindaan kepada MFRS 112, Cukai Pendapatan – Cukai Tertunda berkait dengan Aset dan Liabiliti yang timbul daripada transaksi tunggal

MFRS, tafsiran dan pindaan yang berkuatkuasa bagi tempoh bermula pada atau selepas 1 Januari 2024.

- Pindaan kepada MFRS 16, Pajakan – Liabiliti Pajakan dalam Jualan dan Pajakan Balik
- Pindaan kepada MFRS 101, Pembentangan Penyata Kewangan – Liabiliti Bukan Semasa Bersama kovenan

WAQAF FELDA (Dahulunya dikenali sebagai TABUNG FELDA)

(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)

No Syarikat : 202101011212 (1411511 - T)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2022

2. ASAS PENYEDIAAN (SAMBUNGAN)**(a) Penyata pematuhan (sambungan)**

Pihak Syarikat merancang untuk mengadaptasikan piawaian, pindaan dan tafsiran yang telah disenaraikan di atas, jika berkaitan:

MFRS, tafsiran dan pindaan yang berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 April 2022:

- Bermula tahun berakhir pada 1 Januari 2023 untuk piawaian, pindaan dan tafsiran yang efektif untuk tahun berakhir bermula pada atau selepas 1 Januari 2023, kecuali MFRS 17 yang tidak berlaku untuk Syarikat.
- Bermula tahun berakhir pada 1 Januari 2024 untuk piawaian, pindaan dan tafsiran yang efektif untuk tahun berakhir bermula atau selepas 1 Januari 2024.

(b) Asas penyediaan penyata kewangan

Penyata kewangan Syarikat telah disediakan pada asas kos sejarah kecuali dinyatakan sebaliknya.

(c) Matawang

Penyata kewangan ini disediakan dalam Ringgit Malaysia (RM), di mana ia merupakan matawang fungsian bagi Syarikat.

(d) Penggunaan anggaran dan penghakiman

Penyediaan penyata kewangan menurut MFRS memerlukan pihak pengurusan membuat keputusan, anggaran dan andaian yang akan memberi kesan kepada perakaunan dan jumlah yang dilaporkan bagi aset - aset, tanggungan, pendapatan dan perbelanjaan. Jumlah sebenar mungkin berbeza dengan jumlah anggaran.

Anggaran dan dasar andaian akan disemak dan dipinda dari masa ke semasa. Perubahan ke atas anggaran perakaunan akan diambil kira di dalam tempoh di mana anggaran tersebut diubah dan tempoh yang berkaitan di masa hadapan.

Tidak terdapat sebarang anggaran ketidakpastian dan keputusan penting dalam pengalaman dasar - dasar perakaunan yang menyebabkan kesan yang ketara ke atas sebarang jumlah yang diambil kira di dalam penyata kewangan.

WAQAF FELDA (Dahulunya dikenali sebagai TABUNG FELDA)

(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)

No Syarikat : 202101011212 (1411511 - T)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2022

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA

(a) Instrumen Kewangan

(i) Pengiktirafan permulaan dan pengukuran

Instrumen kewangan, diiktiraf dalam penyata kewangan bila dan hanya Syarikat menjadi pihak yang terikat secara rasmi kepada peruntukan - peruntukan instrumen tersebut.

Pada pengiktirafan awal, Syarikat mengukur aset kewangan pada nilai saksama ditambah, dalam kes aset kewangan yang tidak diklasifikasi pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian (NSMUR), kos urus niaga yang secara langsung dikaitkan dengan pengambilalihan aset kewangan. Kos transaksi aset kewangan yang dibawa di NSMUR dibelanjakan dalam penyata untung atau rugi.

(ii) Kategori instrumen kewangan dan pengukuran seterusnya

Syarikat mengkategorikan instrumen kewangan seperti berikut:

Aset - aset kewangan

(a) Kos yang dilunaskan

Aset yang dipegang untuk kutipan aliran tunai kontrak di mana aliran tunai tersebut mewakili bayaran semata - mata pembayaran principal dan faedah (SPPI) diukur pada kos pelunasan. Pendapatan faedah dari aset kewangan ini termasuk dalam pendapatan kewangan menggunakan keadaan kadar faedah efektif. Sebarang untung atau rugi yang timbul daripada penyahiktirafan diiktiraf secara langsung dalam penyata untung atau rugi dan dibentangkan dalam keuntungan / (kerugian) lain bersama dengan keuntungan dan kerugian pertukaran asing. Kerugian penurunan nilai dibentangkan sebagai item baris berasingan dalam penyata untung atau rugi.

(b) Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprehensif Lain (NSMPKL)

Aset yang dipegang untuk kutipan aliran tunai kontrak dan untuk menjual aset kewangan, di mana aliran tunai aset mewakili SPPI, diukur pada NSMPKL. Pergerakan dalam jumlah dibawa diambil melalui pendapatan komprehensif lain (OCI), kecuali pengiktirafan keuntungan atau kerugian rosotnilai, pendapatan faedah dan keuntungan dan kerugian pertukaran asing yang diiktiraf dalam penyata untung atau rugi.

WAQAF FELDA (Dahulunya dikenali sebagai TABUNG FELDA)

(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)

No Syarikat : 202101011212 (1411511 - T)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2022

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

(a) Instrumen Kewangan (sambungan)

(ii) Kategori instrumen kewangan dan pengukuran seterusnya (sambungan)

Aset - aset kewangan (sambungan)

(b) Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprehensif Lain (NSMPKL) (sambungan)

Syarikat mengiktiraf pelaburan dalam saham disebut sebagai harga sebagai pelaburan dalam ekuiti yang tidak dipegang untuk diperdagangkan. Pelaburan ini diukur di NSMPKL. Syarikat mengukur apa - apa perubahan seterusnya dalam nilai saksama pelaburan dalam pendapatan komprehensif lain. Dividen diiktiraf sebagai pendapatan dalam keuntungan atau kerugian kecuali dividen mewakili pemulihan sebahagian daripada kos pelaburan. Keuntungan dan kerugian bersih lain diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain. Apabila pengiktirafan, keuntungan dan kerugian terkumpul dalam pendapatan komprehensif lain tidak diklasifikasi semula kepada untung rugi.

Apabila aset kewangan tidak diiktiraf, keuntungan atau kerugian kumulatif sebelum ini diiktiraf dalam OCI diklasifikasi semula daripada ekuiti kepada keuntungan atau kerugian dan diiktiraf dalam keuntungan / (kerugian) lain untuk menyesuaikan item baris dengan sewajarnya. Pendapatan faedah dari aset kewangan ini termasuk dalam pendapatan kewangan menggunakan kaedah kadar faedah berkesan. Keuntungan dan kerugian pertukaran asing dibentangkan dalam keuntungan / (kerugian) lain dan perbelanjaan kerosakan dibentangkan sebagai item baris berasingan dalam penyata untung atau rugi.

(c) Nilai Saksama melalui untung atau rugi (NSMUR)

Aset yang tidak memenuhi kriteria untuk kos dilunaskan atau NSMPKL diukur pada NSMUR. Syarikat juga boleh menetapkan aset kewangan NSMUR secara tidak boleh ditarik balik jika melakukan dengan ketara mengurangkan atau menghapuskan ketidakcocokan yang dicipta oleh aset dan liabiliti yang diukur pada asas yang berlainan. Perubahan nilai saksama diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dan dibentangkan secara bersih dalam keuntungan / (kerugian) lain dalam tempoh di mana iaanya terjadi.

WAQAF FELDA (Dahulunya dikenali sebagai TABUNG FELDA)

(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)

No Syarikat : 202101011212 (1411511 - T)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2022

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

(a) Instrumen Kewangan (sambungan)

Aset - aset kewangan (sambungan)

(c) Nilai Saksama melalui untung atau rugi (NSMUR)

Liabiliti kewangan

Semua liabiliti kewangan yang tidak dikategorikan sebagai nilai saksama melalui untung rugi diukur pada nilai kos dilunaskan menggunakan kadar faedah efektif.

(iii) Cara Lazim pembelian atau penjualan aset kewangan

Cara lazim pembelian atau penjualan ialah pembelian atau penjualan aset kewangan di bawah kontrak dengan terma yang menghendaki penghantaran aset dalam tempoh masa yang ditentukan oleh peraturan atau kebiasaan dalam pasaran berkaitan.

Cara lazim pembelian atau penjualan aset kewangan adalah diiktiraf dan dibatalkan pengiktirafan seperti yang terpakai menggunakan tarikh perdagangan perakaunan. Tarikh perdagangan perakaunan merujuk kepada:

- (a) Pengiktirafan aset yang akan diterima dan liabiliti yang akan dibayar pada tarikh perdagangan, dan
- (b) Pembatalan pengiktirafan aset yang dijual, pengiktirafan sebarang untung atau rugi atas pelupusan dan pengiktirafan belum terima daripada pembeli untuk pembayaran pada tarikh perdagangan.

(iv) Pembatalan pengiktirafan

Aset kewangan atau sebahagiannya dibatalkan pengiktirafan bila, dan hanya bila, hak kontraktual kepada aliran tunai daripada aset kewangan tamat tempoh atau aset kewangan telah dipindahkan kepada pihak lain tanpa pengekalan kawalan atau sebahagian besar semua risiko dan manfaat aset tersebut. Pada ketika pembatalan pengiktirafan, perbezaan diantara nilai dibawa dan jumlah pembayaran yang diterima masuk (termasuk sebarang aset baru yang diperolehi ditolak sebarang liabiliti baru berkait) dan sebarang untung atau rugi terhimpun yang telah diiktiraf dalam ekuiti diiktiraf dalam untung atau rugi.

WAQAF FELDA (Dahulunya dikenali sebagai TABUNG FELDA)
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
No Syarikat : 202101011212 (1411511 - T)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 Disember 2022

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

(a) Instrumen Kewangan (sambungan)

(iv) Pembatalan pengiktirafan

Liabiliti kewangan atau sebahagiannya dibatalkan pengiktirafan bila, dan hanya bila, tanggungjawab yang dikhususkan di dalam kontrak telah disempurnakan, dibatalkan atau tamat tempoh. Pada ketika pembatalan pengiktirafan , perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan dipadamkan atau dipindahkan kepada pihak lain dan penjelasan dibayar, termasuk aset bukan tunai dipindah atau liabiliti berkait, diiktiraf dalam untung atau rugi.

(b) Hartanah, loji dan peralatan

(i) Pengiktirafan dan Pengukuran

Hartanah, loji dan peralatan merupakan aset nyata yang digunakan selama lebih dari satu tempoh perakaunan dan digunakan untuk tujuan penghasilan bekalan dan perkhidmatan, untuk tujuan pentadbiran dan untuk tujuan sewaan kepada pihak lain. Ia hanya diiktiraf dalam Kunci Kira-kira apabila Syarikat mengawal aset tersebut.

Semua harta, loji dan peralatan pada mulanya diukur pada kos. Bagi aset yang dibeli, kos termasuk harga belian dan semua kos langsung yang terlibat dalam memastikan aset itu berada dalam keadaan dan lokasi yang sesuai bagi kegunaan pengurusan.

Hartanah, loji dan peralatan berikutnya diukur pada kos setelah ditolak susut nilai terkumpul dan/atau kerugian pengurangan nilai.

(ii) Susut nilai

Susut nilai diperuntukkan dengan menggunakan kaedah garis lurus untuk menghapus kira kos harta, loji dan peralatan ke atas jangka hayat penggunaannya Kadar susut nilai tahunan adalah seperti berikut:

	Kaedah	Kadar	Jangka hayat (Tahun)
Alatan pejabat	Garis lurus	10%	10
Komputer dan perisian	Garis lurus	20%	5

WAQAF FELDA (Dahulunya dikenali sebagai TABUNG FELDA)

(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
No Syarikat : 202101011212 (1411511 - T)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2022

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

(b) Hartanah, loji dan peralatan (sambungan)

(ii) Susut nilai (sambungan)

Pada penghujung setiap tahun laporan, nilai sisa, hayat berguna dan kaedah susut nilai akan disemak kemunasabahannya. Sebarang perubahan akan dilaras secara prospektif bermula dari tempoh semasa.

(c) Rosotnilai aset

Nilai bawaan aset disemak untuk rosotnilai apabila terdapat tanda bahawa aset tersebut akan mengalami rosotnilai. Rosotnilai diukur dengan membandingkan nilai bawaan aset dengan amaun boleh pulih. Amaun boleh pulih adalah yang lebih tinggi antara nilai jualan bersih aset tersebut dan nilai sedang digunakan, yang diukur berdasarkan aliran tunai masa hadapan yang didiskaunkan. Amaun boleh pulih dianggarkan bagi setiap aset, atau jika mustahil, bagi unit janaan tunai.

Harga jualan bersih bagi aset atau unit janaan tunai ditentukan berdasarkan hiriki berikut: (i) harga jualan muktamad, (ii) harga pasaran dalam pasaran aktif, dan (iii) anggaran harga pasaran berdasarkan maklumat yang ada.

Aliran tunai yang digunakan bagi menentukan nilai sedang digunakan diperoleh, selepas didiskaun, menggunakan bajet pengurusan yang munasabah dan boleh disokong serta ramalan lima tahun dan ekstrapolasi aliran tunai bagi tempoh lebih lima tahun ramalan atau bajet.

Caj kerugian rosotnilai dikenakan ke atas penyata pendapatan dengan serta merta, melainkan aset tersebut dinyatakan pada amaun nilai semula. Sebarang kerugian rosotnilai aset yang dinilai semula akan disifatkan sebagai penurunan penilaian semula setakat lebihan penilaian semula yang telah diiktiraf sebelum ini bagi aset yang sama.

Kenaikan susulan dalam nilai boleh didapati semula sesuatu aset dikira sebagai pembalikan kerugian rosotnilai terdahulu dan diiktiraf setakat nilai dibawa aset yang sepatutnya ditentukan (ditolak pelunasan dan susut nilai) sekiranya tiada kerugian rosotnilai diiktiraf. Pembalikan tersebut diiktiraf dalam penyata pendapatan dengan serta-merta, melainkan aset tersebut dinyatakan pada amaun nilai semula. Pembalikan kerugian rosotnilai ke atas aset yang dinilai semula dikreditkan terus ke atas lebihan penilaian.

WAQAF FELDA (Dahulunya dikenali sebagai TABUNG FELDA)
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
No Syarikat : 202101011212 (1411511 - T)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 Disember 2022

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

(c) Rosotnilai aset (sambungan)

Walau bagaimanapun, pembalikan rosotnilai diiktiraf sebagai pendapatan setakat mana kerugian rosotnilai aset yang sama telah diiktiraf sebelumnya sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan.

(d) Tunai dan setara tunai

Tunai merangkumi tunai dalam simpanan bank termasuk deposit. Setara tunai merangkumi pelaburan yang matang dalam tempoh tiga bulan dari tarikh pembelian yang mana sedia diubah kepada amaun tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

(e) Peruntukan

Peruntukan liabiliti diiktiraf apabila Syarikat mempunyai tanggungan undang undang dan konstruktif semasa yang disebabkan oleh peristiwa yang lepas, apabila terdapat kemungkinan aliran keluar daripada sumber-sumber yang merangkumi manfaat ekonomi yang diperlukan untuk melangsinkan liabiliti dan apabila anggaran andal terhadap amaun tanggungan dapat dibuat.

(f) Pengiktirafan hasil

(i) Dividen diterima

Dividen diterima diiktiraf apabila hak pemegang saham untuk menerima pembayaran telah ditetapkan.

(ii) Yuran pendaftaran dan keahlian

Yuran pendaftaran dan keahlian diiktiraf atas dasar akruan.

(g) Pendapatan daripada simpanan jangka pendek

Pendapatan daripada simpanan jangka pendek diiktiraf atas dasar akruan menggunakan kaedah pendapatan berkesan kepada untung atau rugi.

WAQAF FELDA (Dahulunya dikenali sebagai TABUNG FELDA)

(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
No Syarikat : 202101011212 (1411511 - T)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2022

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

(h) Manfaat pekerja

(i) Manfaat jangka pendek

Gaji, upah, bonus, cuti tahunan berbayar, cuti perubatan dan faedah yang bukan berbentuk wang dikira sebagai belanja dalam tahun kewangan di mana pekerja telah memberikan perkhidmatan kepada Syarikat.

(ii) Pelan sumbangan tetap

Seperti yang diperuntukkan oleh undang-undang, syarikat-syarikat di Malaysia dikehendaki menyumbang kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP"). Sumbangan seperti ini dikira sebagai belanja dalam penyata pendapatan dalam tahun kewangan yang berkaitan. Sebaik sahaja sumbangan ini dibayar, Syarikat tidak mempunyai sebarang tanggungan masa hadapan.

(iii) Manfaat pemberhentian

Manfaat pemberhentian pekerja dikira hanya selepas persetujuan dicapai dengan wakil pekerja atas syarat-syarat yang menetapkan lebihan pekerja atau selepas seseorang pekerja telah dimaklumkan tentang syarat-syarat tersebut.

(i) Ukuran nilai saksama

Nilai saksama aset atau liabiliti, kecuali untuk pembayaran yang berasaskan saham dan urus niaga pajakan, ditentukan sebagai harga yang akan diterima untuk menjual aset atau dibayar untuk memindahkan liabiliti dalam urus niaga yang teratur antara peserta pasaran pada tarikh pengukuran. Pengukuran ini menganggap bahawa urus niaga untuk menjual aset itu atau memindahkan liabiliti berlaku sama ada di psaran atau dalam ketiadaan pasaran utama, dalam psaran yang paling menguntungkan.

Bagi aset bukan kewangan ukuran nilai saksama mengambil kira keupayaan peserta pasaran untuk menjana manfaat ekonomi dengan menggunakan aset tersebut dalam penggunaan sebaik dan sepenuhnya atau dengan menjualnya kepada kumpulan peserta pasaran lain yang akan menggunakan aset tersebut dalam penggunaan sebaik dan sepenuhnya.

WAQAF FELDA (Dahulunya dikenali sebagai TABUNG FELDA)

(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)

No Syarikat : 202101011212 (1411511 - T)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 Disember 2022

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)**(i) Ukuran nilai saksama (sambungan)**

Apabila mengukur nilai saksama aset atau liabiliti, pihak Syarikat menggunakan data pasaran boleh diperhatikan sejauh mungkin. Nilai saksama adalah dikategorikan kepada peringkat yang berbeza dalam tahap nilai saksama berdasarkan penggunaan input dalam teknik penilaian seperti berikut:

- Tahap 1: Harga yang disebut harga (tidak terlaras) di pasaran aktif untuk aset - aset atau liabiliti - liabiliti yang serupa di mana Syarikat boleh mengakses pada tarikh pengukuran.
- Tahap 2: Input selain daripada harga yang disebut harga yang terangkum dalam Tahap 1 yang mana boleh dipantau bagi aset atau liabiliti, sama ada secara langsung atau tidak langsung.
- Tahap 3: Input bagi aset atau liabiliti yang bukan berasaskan data pasaran yang boleh dipantau (input tidak boleh dipantau).

Pihak Syarikat mengiktiraf pemindahan antara peringkat tahap nilai saksama pada tarikh peristiwa atau perubahan dalam keadaan yang menyebabkan permindahan.

WAQAF FELDA (Dahulunya dikenali Sebagai TABUNG FELDA)
 (Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
 No Syarikat : 202101011212 (1411511 - T)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
 31 Disember 2022

4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

	Alatan pejabat RM	Komputer dan perisian RM	Jumlah RM
Kos			
Pada 26 Mac 2021 (Tarikh Penubuhan)	-	-	-
Tambahan bagi tempoh kewangan semasa	1,450	13,082	14,532
Pada 31 Mac 2022 / 1 April 2022	1,450	13,082	14,532
Tambahan bagi tempoh kewangan semasa	3,050	-	3,050
Pada 31 Disember 2022	<u>4,500</u>	<u>13,082</u>	<u>17,582</u>
Susutnilai terkumpul			
Pada 26 Mac 2021 (Tarikh Penubuhan)	-	-	-
Susutnilai bagi tempoh kewangan semasa	24	533	557
Pada 31 Mac 2022 / 1 April 2022	24	533	557
Susutnilai bagi tempoh kewangan semasa	236	1,962	2,198
Pada 31 Disember 2022	<u>260</u>	<u>2,495</u>	<u>2,755</u>
Nilai buku bersih			
Pada 26 Mac 2021	-	-	-
Pada 31 Mac 2022 / 1 April 2022	<u>1,426</u>	<u>12,549</u>	<u>13,975</u>
Pada 31 Disember 2022	<u>4,240</u>	<u>10,587</u>	<u>14,827</u>

Pada tempoh kewangan semasa, tambahan hartaanah, loji dan peralatan berjumlah RM3,050 (31 Mac 2022: RM14,532) adalah di beli secara tunai.

WAQAF FELDA (Dahulunya dikenali Sebagai TABUNG FELDA)
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
No Syarikat : 202101011212 (1411511 - T)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 Disember 2022

5. PENGHUTANG DAN PELBAGAI PENGHUTANG

	1.4.2022 sehingga 31.12.2022	26.3.2021 sehingga 31.3.2022
	RM	RM
Penghutang dana wakaf *	-	10,200,000
Penghutang perniagaan	3,910	33,010
Pelbagai penghutang	217,195	1,595
	<u>221,105</u>	<u>10,234,605</u>

* Penghutang dana wakaf terdiri daripada FELDA (RM10,000,000) dan Koperasi Permodalan Felda Malaysia Berhad (RM200,000).

6. INVENTORI

	1.4.2022 sehingga 31.12.2022	26.3.2021 sehingga 31.3.2022
	RM	RM
Barang siap	<u>108,404</u>	<u>18,565</u>
Diiktiraf di penyata pendapatan:		
Inventori diiktiraf sebagai kos jualan	110,829	42,435
Rosot nilai atas inventori	<u>-</u>	<u>10,464</u>

WAQAF FELDA (Dahulunya dikenali Sebagai TABUNG FELDA)
 (Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
 No Syarikat : 202101011212 (1411511 - T)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
 31 Disember 2022

7. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

	1.4.2022	26.3.2021
	sehingga	sehingga
	31.12.2022	31.3.2022
	RM	RM
Tunai di tangan	1,224	3,472
Baki di bank	450,494	1,081,322
Deposit di institusi kewangan berlesen	<u>27,912,131</u>	<u>9,612,131</u>
	<u>28,363,849</u>	<u>10,696,925</u>

8. DANA WAKAF

	1.4.2022	26.3.2021
	sehingga	sehingga
	31.12.2022	31.3.2022
	RM	RM
Baki pada 1 April 2022 / 26 Mac 2021 (Tarikh Penubuhan)	19,998,530	-
Tambah: Tambahan dalam tempoh kewangan		
Dana wakaf	6,775,162	18,819,624
Dana wakaf dalam permohonan	<u>819,224</u>	<u>1,178,906</u>
	<u>7,594,386</u>	<u>19,998,530</u>
Baki pada 31 Disember 2022 / 31 Mac 2022	<u>27,592,916</u>	<u>19,998,530</u>

WAQAF FELDA (Dahulunya dikenali Sebagai TABUNG FELDA)
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
No Syarikat : 202101011212 (1411511 - T)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 Disember 2022

9. DANA PELABURAN SEMULA

	Dinyatakan semula	
1.4.2022	26.3.2021	
sehingga	sehingga	
31.12.2022	31.3.2022	
RM	RM	
Baki pada 1 April 2022 / 26 Mac 2021 (Tarikh Penubuhan)	45,751	-
Tambah: Agihan keuntungan komprehensif keseluruhan bagi tempoh kewangan berakhir	285,195	45,751
Baki pada 31 Disember 2022 / 31 Mac 2022	<u>330,946</u>	<u>45,751</u>

10. PEMIUTANG DAN PELBAGAI PEMIUTANG

	1.4.2022	26.3.2021
sehingga	sehingga	
31.12.2022	31.3.2022	
RM	RM	
Pemiutang	-	4,100
Akruan	230,815	19,465
	<u>230,815</u>	<u>23,565</u>

WAQAF FELDA (Dahulunya dikenali Sebagai TABUNG FELDA)
 (Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
 No Syarikat : 202101011212 (1411511 - T)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
 31 Disember 2022

11. PENDAPATAN TERTUNDA

	Dinyatakan semula	-
	1.4.2022	26.3.2021
	sehingga	sehingga
	31.12.2022	31.3.2022
	RM	RM
Baki pada 1 April 2022 / 26 Mac 2021		
(Tarikh Penubuhan)	859,168	-
Tambah: Tambahan dalam tempoh kewangan semasa	<u>164,400</u>	<u>1,015,000</u>
	1,023,568	1,015,000
Tolak: Pindahan ke penyata untung atau rugi	<u>(892,913)</u>	<u>(155,832)</u>
Baki pada 31 Disember 2022 / 31 Mac 2022	<u><u>130,655</u></u>	<u><u>859,168</u></u>

Tambahan geran dari FELDA dalam tempoh kewangan semasa sebanyak RM164,400 adalah melibatkan pembiayaan projek bagi sistem baru iaitu Sistem Waqafer.

Manakala, sumbangan berjumlah RM1,000,000 dan RM15,000 masing-masing diterima daripada FELDA dan Tan Sri Idris bin Jusoh bagi tujuan operasi dan RM600,000 daripada baki pendapatan tertunda telah digunakan bagi membuat simpanan tetap di institusi kewangan berlesen.

12. DANA OPERASI

	Dinyatakan semula	-
	1.4.2022	26.3.2021
	sehingga	sehingga
	31.12.2022	31.3.2022
	RM	RM
Baki pada 1 April 2022 / 26 Mac 2021		
(Tarikh Penubuhan)	8,074	-
Tambah: Agihan keuntungan komprehensif keseluruhan bagi tempoh kewangan berakhir	<u>50,330</u>	<u>8,074</u>
Baki pada 31 Disember 2022 / 31 Mac 2022	<u><u>58,404</u></u>	<u><u>8,074</u></u>

WAQAF FELDA (Dahulunya dikenali Sebagai TABUNG FELDA)
 (Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
 No Syarikat : 202101011212 (1411511 - T)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
 31 Disember 2022

13. AGIHAN MANFAAT MELALUI FELDA / SYARIKAT

	Dinyatakan semula	1.4.2022 sehingga 31.12.2022	26.3.2021 sehingga 31.3.2022	RM	RM
Baki pada 1 April 2022 / 26 Mac 2021		24,842		-	
Tambah: Agihan keuntungan komprehensif keseluruhan bagi tempoh kewangan berakhir		154,856	24,842	179,698	24,842
Tolak: Agihan yang telah dilakukan bagi tempoh kewangan berakhir		(3,000)		-	
Baki pada 31 Disember 2022 / 31 Mac 2022		<u>176,698</u>	<u>24,842</u>		

14. AGIHAN MANFAAT MELALUI MAIWP

	1.4.2022 sehingga 31.12.2022	26.3.2021 sehingga 31.3.2022	RM	RM
Baki pada 1 April 2022 / 26 Mac 2021		4,140		-
Tambah: Agihan keuntungan komprehensif keseluruhan bagi tempoh kewangan berakhir		25,808	4,140	29,948
Tolak: Agihan yang telah dilakukan bagi tempoh kewangan berakhir		(4,140)		-
Baki pada 31 Disember 2022 / 31 Mac 2022		<u>25,808</u>	<u>4,140</u>	

WAQAF FELDA (Dahulunya dikenali Sebagai TABUNG FELDA)
 (Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
 No Syarikat : 202101011212 (1411511 - T)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
 31 Disember 2022

15. PENDAPATAN DARI PELABURAN DANA

	1.4.2022	26.3.2021
	sehingga	sehingga
	31.12.2022	31.3.2022
	RM	RM
Keuntungan atas simpanan di institusi kewangan:		
- Dana Operasi	7,884	690
- Dana Asas *	<u>516,189</u>	<u>16,603</u>
	<u><u>516,189</u></u>	<u><u>16,603</u></u>

* Keuntungan atas simpanan di institusi kewangan bagi dana asas perlu diagihkan manfaatnya bagi tujuan kebajikan (30%), MAIWP (5%) dan pelaburan semula (65%). Syarikat akan mengambil (15%) sebagai kos operasi daripada agihan pelaburan semula (65%).

Rujuk Nota 19, Nota-Nota kepada Penyata Kewangan.

16. KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI

	1.4.2022	26.3.2021
	sehingga	sehingga
	31.12.2022	31.3.2022
	RM	RM
Keuntungan sebelum cukai diperolehi setelah dikenakan:		
Belanja penubuhan	-	15,000
Fi juruaudit luar	12,500	12,500
Imbuhan Lembaga Pengarah	16,000	-
Kos kakitangan (Nota 17)	305,220	35,119
Susutnilai harta tanah, loji dan peralatan	<u>2,198</u>	<u>557</u>
	<u><u>2,198</u></u>	<u><u>557</u></u>

WAQAF FELDA (Dahulunya dikenali Sebagai TABUNG FELDA)
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
No Syarikat : 202101011212 (1411511 - T)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 Disember 2022

17. KOS KAKITANGAN

	1.4.2022 sehingga 31.12.2022 RM	26.3.2021 sehingga 31.3.2022 RM
Gaji, elauan dan kerja lebih masa	233,888	28,181
KWSP	57,299	3,877
Lain-lain faedah	14,033	3,061
	<u>305,220</u>	<u>35,119</u>

18. CUKAI PENDAPATAN

	1.4.2022 sehingga 31.12.2022 RM	26.3.2021 sehingga 31.3.2022 RM
Keuntungan sebelum cukai	<u>678,132</u>	<u>82,807</u>
Cukai pada kadar 24%	162,752	19,874
Perbelanjaan tidak boleh ditolak	528	134
Pendapatan tidak tertakluk kepada cukai	<u>(163,280)</u>	<u>(20,008)</u>
	<u>-</u>	<u>-</u>

Pada 15 Julai 2022, Kementerian Kewangan Malaysia telah meluluskan permohonan Syarikat untuk pengecualian cukai pendapatan di peringkat pendapatan statutori bagi tempoh 3 tahun bermula tahun taksiran 2022 sehingga tahun taksiran 2024 di bawah subseksyen 127(3A) Akta Cukai Pendapatan 1967 dan tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan.

WAQAF FELDA (Dahulunya dikenali Sebagai TABUNG FELDA)
 (Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
 No Syarikat : 202101011212 (1411511 - T)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
 31 Disember 2022

19. AGIHAN DAN AGIHAN LAIN KEUNTUNGAN KOMPREHENSIF KESELURUHAN BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR

Agihan keuntungan adalah seperti berikut:

1.4.2022	26.3.2021
sehingga	sehingga
31.12.2022	31.3.2022
RM	RM

Jumlah keuntungan komprehensif keseluruhan bagi tempoh kewangan berakhir	<u>678,132</u>	<u>82,807</u>
---	-----------------------	----------------------

Diwakili oleh:

Keuntungan tahun semasa dari operasi	161,943	66,204
Keuntungan daripada pendapatan pelaburan	<u>516,189</u>	<u>16,603</u>
	<u>678,132</u>	<u>82,807</u>

	%	RM	RM
Agihan Dana Pelaburan Semula	55%	285,195	45,751
Agihan Dana Operasi	10%	50,330	8,074
Agihan Manfaat melalui Felda / Syarikat	30%	154,856	24,842
Agihan Manfaat melalui MAIWP	5%	25,808	4,140
	<u>45%</u>	<u>230,994</u>	<u>37,056</u>
	<u>100%</u>	<u>516,189</u>	<u>82,807</u>

WAQAF FELDA (Dahulunya dikenali Sebagai TABUNG FELDA)
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
No Syarikat : 202101011212 (1411511 - T)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 Disember 2022

20. INSTRUMEN KEWANGAN

Risiko kecairan dan aliran tunai

Pengurusan risiko kecairan berhemat bermakna mengekalkan tunai dan kemudahan dana yang mencukupi. Lebihan dana diletakkan dalam deposit di mana dana boleh disediakan dalam masa yang singkat. Di samping itu, kajian semula ke atas kecairan Syarikat adalah untuk memastikan keperluan tunai adalah mencukupi.

Aset kewangan

Aset kewangan utama Syarikat adalah penghutang dan deposit dan tunai dan setara tunai.

Liabiliti kewangan

Liabiliti kewangan dan instrumen ekuiti dikelaskan menurut kandungan perjanjian kontrak yang dimeterai. Liabiliti kewangan utama Syarikat termasuk pemuitang dan pendahuluan.

Instrumen ekuiti direkodkan pada hasil yang diterima selepas ditolak kos bagi terbitan langsung.

Nilai saksama

Nilai bawaan bagi aset kewangan dan liabiliti kewangan Syarikat pada tarikh kunci kira - kira adalah dianggarkan hampir dengan nilai saksama kerana tempoh matang yang pendek untuk instrumen ini.

LAPORAN AKTIVITI WAQAF FELDA



- Program Pengembangan
- Program Agihan Wakaf

KEJAYAAN
dalam
KEBERKATAN

PROGRAM PENGEMBANGAN DANA WAKAF **PELANCARAN WAKAF TANDAN**



Program Wakaf Tandan telah jayanya dilancarkan oleh YBhg Tan Sri Idris Jusoh, Pengurus FELDA merangkap Pengurus Waqaf FELDA bertempat di Pusat Latihan Kerteh, Terengganu. Wakaf Tandan Sawit merupakan cetusan idea warga peneroka sendiri dan telah bermula di Felda Kerteh 6, Terengganu dengan nilai tandan sawit dijadikan sebagai yuran keahlian yang selanjutnya diwakafkan kepada WAQAF FELDA.

Bagi peneroka yang berhasrat mewakafkan tandan sawit boleh membuat permohonan dengan Felda serta menyatakan bilangan tandan sawit segar sebelum dihantar ke kilang. Bilangan tandan sawit yang masak seterusnya akan diasingkan, ditimbang dan jumlah nilai daripada tandan tersebut akan diwakafkan serta dipindahkan ke akaun Waqaf Felda bagi pihak peneroka.



PROGRAM PENGEMBANGAN DANA WAKAF **DAKWAH & PENERANGAN :** **Bulan Waqaf**



Bulan Waqaf ini dijalankan pada setiap bulan mengikut wilayah yang ditetapkan . Antara pengisian yang dimasukkan ialah program penerangan ke blok-blok, kuliah, penyerahan agihan manfaat dalam sesi ziarah kasih. Antara wilayah yang telah melaksanakan bulan Waqaf ialah Wilayah Kuantan, Wilayah Raja Alias dan Wilayah Jengka.



PROGRAM PENGEMBANGAN DANA WAKAF
DAKWAH & PENERANGAN :
Kempen Berkat Ramadan



Kempen ini telah digerakkan di peringkat rancangan FELDA seluruh Malaysia. Kempen ini menggalakkan semua lapisan masyarakat membudayakan amalan berwakaf terutamanya di bulan Ramadan. Antara aktiviti yang telah dijalankan sepanjang kempen ini ialah agihan manfaat, kuliah blok, kuliah masjid dan khutbah Jumaat.



PROGRAM PENGEMBANGAN DANA WAKAF

DAKWAH & PENERANGAN : *Jom Masuk Rancangan (JMR)*

WAQAF FELDA turut serta dalam Program Jom Masuk Rancangan (JMR) dalam sesi penerangan dan ziarah kasih. WAQAF FELDA turut bersama menyampaikan agihan manfaat dalam sesi ziarah kasih.



PROGRAM PENGEMBANGAN DANA WAKAF

DAKWAH & PENERANGAN : *Jelajah Masih Belum Terlambat*

Program Jelajah Masih Belum Terlambat merupakan program penerangan ke rancangan FELDA di seluruh Malaysia.



PROGRAM PENGEMBANGAN DANA WAKAF
DAKWAH & PENERANGAN :
Forum

KHAMIS SELEPAS SOLAT MAGRIB
MASJID AL MAKMUR FELDA LEPAR
HILIR 1&4



Forum ‘Ubat Hati’ telah dilaksanakan di Masjid Al Makmur, FELDA LEPAR HILIR 1&4, Felda Wilayah Kuantan sempena Bulan Waqaf FELDA.

PROGRAM PENGEMBANGAN DANA WAKAF KERJASAMA & MOU: MOU MBSB



MOU antara WF dan MBSB merintis salah satu kaedah berwakaf dengan menggabungkan elemen qardhu dan wakaf. MBSB, sebuah perbankan Islam yang menawarkan pembiayaan patuh syariah menawarkan peluang pembiayaan peribadi-i dalam Kempen MBSB X-Change. Menerusi kempen ini, pemohon pembiayaan di samping daripada mendapat pembiayaan menerusi MBSB, juga turut berwakaf kepada WAQAF FELDA.

Kempen ini telah mendapat sambutan luar biasa sehingga jumlah wakaf keseluruhan yang diperolehi menerusi kempen ini mencecah lebih RM100K.



PROGRAM PENGEMBANGAN DANA WAKAF
KERJASAMA & MOU:
Peduli Insan Malaysia

WAQAF
FELDA



Kerjasama bersama PKKF (Persatuan Kakitangan Kanan FELDA) dan KPPF (Kesatuan Pekerja-pekerja FELDA) sumbangan daripada warga FELDA yang terdiri daripada pelbagai lapisan umur termasuklah Petugas, Warga Peneroka, Generasi Baharu dan Masjid-masjid FELDA sebanyak RM 87356.65 telah disumbangkan kepada mangsa gempa bumi Turkiye dan Syria melalui Pertubuhan Peduli Insan.



PROGRAM PENGEMBANGAN DANA WAKAF
KERJASAMA & MOU:
Program Bersama SURI



Sempena bulan Ramadhan, Waqaf FELDA bersama Persatuan SURI FELDA telah mengadakan Program Tahsin al-Fatihah bersama muslimat di Menara Felda. Program ini telah berlangsung di Surau Menara Felda disampaikan oleh Ustazah Tengku Nur Atirah, Dai' Waqaf FELDA dan juga merupakan asatizah FELDA.

PROGRAM PENGEMBANGAN DANA WAKAF

PROGRAM DAKWAH MEDIA BARU: *Sembang-sembang Dai'*

Sembang-sembang Dai'

WAQAF FELDA dengan kerjasama Jabatan Komunikasi Strategik FELDA melahirkan produk penerbitan kerohanian baharu bertajuk "Sembang-sembang Da'i". Program ini disiarkan di laman media sosial WAQAF FELDA dan FELDA dengan mengetengahkan asatizah FELDA yang mempunyai keilmuan dalam agama untuk mengupas beberapa topik seperti al-Quran, Fiqh, Aqidah dan lain-lain disiplin ilmu. Matlamat utama program ini adalah untuk menjadikan agenda penyebaran ilmu agama terus dihidupkan menerusi platform media baharu agar boleh menjadi rujukan kepada warga FELDA sama ada warga Peneroka maupun Petugas.



PROGRAM PENGEMBANGAN DANA WAKAF

PROGRAM DAKWAH MEDIA BARU: Waqaf On-Air

WAQAF FELDA melaksanakan inisiatif dakwah media baharu melalui platform sistem siaraya Menara FELDA yang bertajuk WAQAF ON-AIR (WOA). Matlamat program ini adalah untuk memperkenalkan WAQAF FELDA kepada seluruh isi menara di samping menyampaikan dakwah islamiyyah. Sesi WOA! Adalah pada setiap hari Isnin (jam 9 pagi), Rabu (jam 9 pagi) dan Jumaat (jam 11.30 pagi).



PROGRAM PENGEMBANGAN DANA WAKAF

PROGRAM DAKWAH MEDIA BARU: Siri Waqaf Ilmu

Siri Waqaf Ilmu merupakan siri soal-jawab isu-isu fiqh berpandukan sumber yang berautoriti seperti Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan.

SIRI WAQAF ILMU

**DULU KELIRU,
SEKARANG 000 BEGITU...**

**S : SAYA TIDAK BERNIAT PUASA DI MALAM HARI, NAMUN
SAYA BANGUN BERSAHUR, ADAKAH SAH PUASA SAYA ?**

J : Niat berpuasa diletakkan sebagai salah satu syarat sah puasa seseorang itu. Menurut jumhur fuqaha, niat puasa hendaklah dilakukan setiap hari pada waktu malam seperti yang disebutkan sebelum masuk waktu subuh. Hal ini kerana setiap hari dalam Ramadhan diikira berasingan.

Namun, dengan bangun bersahur tanpa menghadirkan niat telah dijawab oleh Imam Ibn Hajar al-Haithami dalam kitab Tuhfah al-Muhtaj fi Syarhi al-Minhaj, iaitu :

Maksudnya: Sekiranya bersahur untuk tujuan berpuasa atau menghalang (dirinya) daripada melakukan perkara yang membatalkan puasa kerana bimbang terbitnya fajar ditambah pula muncul dalam fikiranya untuk berpuasa, maka sudah cukup (dikira sebagai niat), kerana terdetiknya untuk berpuasa pada fikirannya bersama dengan perbuatan yang mendorong ke atasnya (untuk berpuasa) atau dengan meninggalkan perbuatan yang menafakkan (orang tersebut berpuasa) (secara tidak langsung) telah mengandungi niat puasa.

Berdasarkan kenyataan di atas, orang yang bersahur yang sememangnya untuk berpuasa bukan untuk sarapan pagi atau tujuan lain, maka sudah cukup menurut salah satu pendapat fuqaha mazhab al-Syafie seperti penyataan di atas.

Kesimpulannya, puasa bagi orang yang bersahur dan menahan diri daripada perkara yang membatalkan puasa sebelum fajar lagi diikira sah walaupun orang tersebut lupa menghadirkan niat secara khusus kerana niat untuk berpuasa telah hadir dalam lintasan hati.

Sumber : kitab Tuhfah al-Muhtaj fi Syarhi al-Minhaj, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan

SIRI WAQAF ILMU

**DULU KELIRU,
SEKARANG 000 BEGITU...**

**S : TADI SAYA DAH SOLAT JAMAK ISYA' WAKTU MAGHRIB. BILA
SAYA SAMPAI KAT RUMAH, AZAN ISYA' KEDENGARAN. PERLUKAH
SAYA ULANG ISYA' SAYA?**

J : Menurut ulama', jamak ialah melaksanakan Solat Zohor bersama Asar dan Solat Maghrib bersama Solat Isya' sama ada secara taqdim atau ta'khir.

Terdapat berberapa sebab yang membolehkan solat jamak iaitu :

- Jamak ketika musafir;
- Jamak ketika hujan;
- Jamak ketika sakit.

Jika seseorang itu melaksanakan Solat Isya' secara taqdim pada waktu Maghrib dalam keadaan dia masih bermusafir, maka dia telah menepati syarat sah solat jamak taqdim.

Oleh itu, jika dia pulang ke kawasannya dalam keadaan waktu Isya' baru sahaja masuk, maka dia tidak perlu untuk melaksanakan solat Isya' buat kali yang kedua kerana solat Isya'nya sudah sah didirikan dalam keadaan musafir tadi.

SYARAT JAMAK TAKDIM

1. Mesti dimulakan dengan solat yang pertama;
2. Berniat jamaik Taqdim ketika mengerjakan solat yang pertama;
3. Mesti muwalat (berterusan) antara keduanya (tidak boleh dipisahkan antara 2 solat tersebut dengan tempoh yang lama);
4. Berterusan uzur (Seseorang yang menuaikan solat jamak taqdim antara Maghrib dan Isya' hendaklah berterusan dalam keadaan musafir ketika dia mengangkat takbiratul ihram untuk solat kedua).

Rujukan: Nihayah az-Zain, Taqirrat as-Badidah, Laman Raemi Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan

SIRI WAQAF ILMU

**DULU KELIRU,
SEKARANG 000 BEGITU...**

**S : BOLEH KE
KALAU SAYA
NAK GABUNG
PUASA QADHA
DAN PUASA
SUNAT ENAM
SYAWAL?**

Apabila menjelang bulan Syawal, di samping berhenti raya dengan perni puasa kesukuran, kita turut dilibatkan untuk melakukan puasa enam syawal kerana ia mempunyai banyak kelebihan.

Resulullah SAW bersabda, maksudnya :

"Sesiapa yang melakukan puasa Ramadhan, kemudian dia ikut dengan puasa enam hari dibutuh Syawal, maka itu adalah seumpama dia berpuasa setahun."

(Hadis Riwayat Muslim)

Terdapat berberapa pandangan fuqaha dalam Mazhab Syafie dalam menjelaskan persoalan menggabungkan niat antara puasa qadha Ramadhan dan puasa sunat Syawal. Antaranya ialah:

Imam Ibnu Hajar al-Haitami RA
"Jika dimuatkan keduanya (puasa sunat & puasa wajib) dia mendapat ganjaran bagi kedua-duanya atau dinilaikan solat; satu maka gugur tuntutan yang satu lagi dan tidak mendapat ganjarannya"

Imam ar-Ramli RA
"Dan sekiranya berpuasa pada bulan Syawal, puasa qadha, nazar atau selain daripada keduanya atau seumpama dengannya, seperti berpuasa pada hari 'Asyura maka telah dapat pahala puasa sunat itu baginya, tetapi tidak mendapat pahala yang sempurna kecuali yang dituntut, begitu juga hukum puasa qadha Ramadhan dan puasa sunat enam Syawal."

Kesimpulannya, mengikut pandangan yang mukmatan, afidah atau adalah lebih baik, seseorang iu menjalankan puasa 6 Syawal dan puasa qadha berasingan. Namun, menyatakan puasa qadha dan puasa 6 itu adalah sah dan diharuskan serta mendapat ganjaran pahala kedua-duanya. Walau bagaimanapun, menyegerakan qadha puasa adalah sikap yang terpuji dan dituntut syarak.

Rujukan: Kitab al-Fatwa al-Kobra, Kitab Nihayah al-Muhibb, Laman web rasmi Mufti WP

SIRI WAQAF ILMU

**DULU KELIRU,
SEKARANG 000 BEGITU...**

S : Bilakah saya boleh mendapat rukheah solat Jamak dan Qasar

J : Pertama sekali, antara salah satu syarat sah bagi melakukan solat jamak dan qasar ialah mesi dilakukan dalam keadaan musafir. Menurut para fuqaha, status musafir tidak akan berlaku kecuali seseorang itu telah melepas sempadan watan atau mukim seperti kawasan taman, rancangan, kampung atau kota.

Justeru, seseorang itu boleh melakukan solat Jamak dan Qasar apabila ingin bermusafir ke destinasi tertentu (sejauh 2 marhalah / kira-kira 82 km) dan pada rumahnya SEJURUS DIA KELUAR DARIPADA SEMPADAN MUKIMNYA.

Contoh : Ahmad menetap di Gombak, dia ingin bermusafir ke Melaka untuk tujuan tugas. Maka, dia boleh menuaikan solat secara jamak dan qasar di kawasan Kuala Lumpur.

Sumber : Laman Raemi Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan

SYARAT SAH SOLAT JAMAK DAN QASAR

1. Perjalanan yang jaraknya 8t km dan lebih.
2. Perjalanan yang tentu tujuannya (bukan merayau).
3. Perjalanan yang tidak bertujuan makan.
4. Tidak diambil kira perjalanan untuk berniaga arak, mengamal riba atau menyamun.

PROGRAM AGIHAN MANFAAT

Kategori Agihan Manfaat terdiri daripada



BENCANA



KESIHATAN &
DHAIF



PENDIDIKAN &
KEROHANIAN



KEMUDAHAN
AWAM



EKONOMI

1. Bencana

- Sumbangan ilat.
- Platun WAQAF FELDA

2. Kesihatan dan Daif

- Gelandangan, peralatan kesihatan, individu dhaif, bantuan tunai dan peralatan

3. Pendidikan dan Kerohanian

- Sumbangan peralatan pembelajaran. Sumbangan kelengkapan masjid.
- Dana program mega masjid.

4. Kemudahan Awam

- Sumbangan untuk infrastruktur dan kemudahan kegunaan awam.

5. Ekonomi

- Qardhu Hasan.
- Geran bantuan permulaan perniagaan kecil.

LAPORAN AGIHAN MAAFAAT

/// DANA WAKAF

SENARAI NAMA PENERIMA MANFAAT

KATEGORI BENCANA

1. ABDUL LATIF BIN JAUSIN
2. HEMODIALISIS YAYASAN FELDA
3. ZARINA NURATIQA SYAHZIRAH BINTI JAMLAN
4. MOHD FAIZAL BIN SABARUDIN
5. SUHARANI BIN MAD NOR
6. HAMIDAH TUNTUI
7. HAJAH AMAMAH BINTI NABU
8. ABDUL RAZAK BIN HUSSIN
9. ABDUL GHAFAR BIN SAHAR
10. NORIDAYU BINTI AHMAD ISMAIL
11. AZLAN BIN BAHAROM
12. HASMAH BINTI DAGANG
13. BESAH BINTI AHMAD
14. NURUL AYESHA ROSLAN BINTI ABDUL RAQIB
15. MOHD NAZRI BIN OMAR
16. ABDUL RAZAK BIN ABU
17. MOHD ASRI BIN HAMID
18. MOHAMAD AZIZI BIN AHMAD
19. MUHAMMAD AQIL AQMAR BIN NORDIN
20. MOHD RADZI BIN YATIM
21. SHAHARUDIN BIN SHARON
22. JUMIAH BINTI NOOR
23. JURIMIAH BINTI HUSSIN
24. WASTINAH BINTI PARMAN
25. MD ZIN BIN PIN
26. SITI MERIAM BINTI MATT
27. ESAH BINTI WAHAB
28. JAMAL BIN LAMRI
29. RAHMAH BINTI ISMAIL
30. KADRI BIN MOHAMAD
31. NORIAH BINTI MUDA
32. FATIMAH BINTI MIDON
33. MOHAMAD PAUZI AZIZ
34. MOHD ZAIDI BIN ABD RAHMAN

PENDIDIKAN & KEROHANIAN

35. MASJID-MASJID FELDA SAHABAT
36. MADRASAH DARUL ULOOM AL-ISLAMIYAH, JENGKA (200 PELAJAR)
37. MASJID LEPAR HILIR

KESIHATAN & DHAIF
RM 15,300.00 62%



PROGRAM AGIHAN MANFAAT WAQAF FELDA

KATEGORI BENCANA: SUMBANGAN BENCANA TURKIYE & SYRIA

Melalui sumbangan yang diberikan, ratusan keluarga di Turkiye & Syria yang kehilangan tempat tinggal serta tiada tempat berteduh telah menerima khemah sebagai kediaman sementara mereka. Barang keperluan seperti tilam dan selimut tebal turut diserahkan kepada mangsa memandangkan ketika itu cuaca dalam keadaan sejuk. Bantuan kotak makanan juga turut diserahkan kepada para mangsa. Pada Ramadan 1444H yang lalu, Waqaf FELDA juga telah menaja ribuan juadah berbuka puasa buat para pelarian Syria yang selama ini sering dalam kelaparan dan hidup dalam penuh kedaifan.



PROGRAM AGIHAN MANFAAT WAQAF FELDA

KATEGORI BENCANA: SUMBANGAN BENCANA TURKIYE & SYRIA

waqaf
FELDA



101

PROGRAM AGIHAN MANFAAT WAQAF FELDA

KATEGORI BENCANA: AGIHAN MANGSA BANJIR

Bantuan Banjir

WAQAF FELDA dengan kerjasama Yayasan FELDA bersama Jabatan Pembangunan Komuniti FELDA menyampaikan sumbangan kepada mangsa banjir di Pusat Pemindahan Sementara Mangsa Banjir bertempat di Felda Bukit Serampang, Wilayah Segamat.



PROGRAM AGIHAN MANFAAT WAQAF FELDA

KATEGORI BENCANA: AGIHAN MANGSA KEBAKARAN

WAQAF
FELDA

Bantuan Rumah Terbakar Jengka

Penyerahan bantuan kepada mangsa kebakaran di FELDA Jengka 02, Wilayah Jengka.



PROGRAM AGIHAN MANFAAT WAQAF FELDA

KATEGORI KESIHATAN & DHAIF: AGIHAN KEPADA GELANDANGAN

Program Agihan Manfaat kepada Gelandangan di sekitar kawasan Kuala Lumpur di Anjung Singgah Kuala Lumpur, Pusat Transit Gelandangan dan Pusat Pembelajaran Komuniti Chow Kit. WAQAF FELDA telah menyalurkan pek makanan kepada 400 orang gelandangan di Kuala Lumpur.

Turut hadir bersama menjayakan misi ini, En Izham Mustaffa, Timbalan Pengarah Besar FELDA merangkap Ahli Lembaga Pengarah WAQAF FELDA, Dato' Mohd Banuri, Pengurus Besar Yayasan FELDA serta Ustaz Lutfi, Pegawai Wakaf daripada MAIWP.



PROGRAM AGIHAN MANFAAT WAQAF FELDA

KATEGORI KESIHATAN & DHAIF: AGIHAN KEPADA PENEROKA FELDA

WAQAF
FELDA

Agihan kepada warga peneroka yang melibatkan peneroka, penerokawati dan generasi ke-2 FELDA yang menghidapi sakit kronik, uzur dan kurang upaya serta mereka yang kurang berkemampuan.



PROGRAM AGIHAN MANFAAT WAQAF FELDA

KATEGORI KESIHATAN & DHAIF: AGIHAN KEPADA KAKITANGAN FELDA

Agihan kepada kakitangan FELDA

Sumbangan kepada kakitangan FELDA, keluarga kakitangan FELDA yang kurang upaya dan sakit kronik.



PROGRAM AGIHAN MANFAAT WAQAF FELDA

KATEGORI KESIHATAN & DHAIF: AGIHAN KEPADA KAKITANGAN SYARIKAT KUMPULAN FELDA

WAQAF
FELDA

Agihan kepada kakitangan Syarikat Kumpulan FELDA

Waqaf FELDA turut menyampaikan sumbangan kepada petugas anak syarikat FELDA seperti FELDA Plantation Management (FPMSB) dan FGV yang menghidapi sakit kronik.



PROGRAM AGIHAN MANFAAT WAQAF FELDA

KATEGORI PENDIDIKAN & KEROHANIAN: BANTUAN PERALATAN SAINS

Waqaf FELDA menyumbangkan peralatan sains kepada Madrasah Darul Uloom al-Islamiyah Jengka 11 bagi keperluan amali sains calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM 2023)



PROGRAM AGIHAN MANFAAT WAQAF FELDA

KATEGORI PENDIDIKAN & KEROHANIAN: AGIHAN KERUSI KULIAH

wqaf
FELDA

Agihan Kerusi Kuliah di Masjid-masjid di Felda Wilayah Sahabat.

Sumbangan kerusi kuliah untuk semua masjid-masjid di FELDA Wilayah Sahabat (Sabah) yang bernilai RM 2750.00



CATATAN



03-21912191

ahli@waqaffelda.com.my

WAQAF FELDA, Tingkat 46,
Menara FELDA, No 11, Persiaran KLCC,
Platinum Park, 50088 Kuala Lumpur, Malaysia



Scan Untuk Berwaqaf

Ikuti perkembangan kami :

Waqaf Felda Official

waqaffelda

waqaffelda

waqaf_felda

